حِصْنُ الْمُسْلِمِ

من أذكار الكتاب والسنة.

Perisai Muslim

Himpunan doa dan zikir dari Al-Quran dan As-Sunnah.

(Bahasa Malaysia)

Penyusun

Sheikh Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahf Al-Qahthani.

Alih Bahasa Oleh:

Abdul Basit bin Abdul Rahman.

Disemak oleh:

Salehuddin dan Khairil Husaini

Madinah 1423H.

www.khutab.org

بسم الله الرحمن الرحيم

ح سعيد بن علي بن وهف القحطاني . ١٤٢٠هـ
فهرسة مكتبة الملك فهد الوطنية أثناء النشر
القحطاني ، سعيد بن علي بن وهف
حصن المسلم ـ سعيد بن علي بن وهف القحطاني. ط٢ـ.
الرياض، ١٤٢٤هـ.
٢٩٦ ص ، ٨,٥ × ١٢ سم
ردمك : ٤ ـ ٣١٢ ـ ٤٤ ـ ٩٩٦٠
(باللغة الماليزية)
١ ـ الأدعية والأوراد أ ـ العنوان
ديوي ٢١٢,٩٣ ١٤٢٤/٧١٦١

رقم الإيداع : ١٤٢٤/٧١٦١
ردمك : ٤ ـ ٣١٢ ـ ٤٤ ـ ٩٩٦٠

الطبعة الثانية : محرم ١٤٢٥هـ

Isi Kandungan.

Sepatah Kata Penterjemah.

Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas Rasulullah ﷺ, ahli keluarga dan semua sahabat serta tabi'in.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnianya buku "Perisai Muslim" Himpunan doa dan zikir dari Al-Quran dan As-Sunnah yang disusun oleh Sheikh Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahf Al-Qahthani ini telah dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Semoga ia dapat dimanfaatkan oleh pembaca dalam menghayati amalan yang telah diamalkan oleh Rasulullah ﷺ sekaligus dapat menghidupkan kembali sunnah Rasulullah ﷺ yang telah banyak dilupakan.

Sesungguhnya beramal dengan amalan yang diajar oleh Rasulullah ﷺ sangat besar pahalanya. Nabi ﷺ pernah keluar pada suatu hari dari rumah isterinya Juwairiah ؓ untuk solat subuh dan Juwairiah sedang berada di tempat solatnya. Sewaktu Nabi ﷺ kembali, matahari sudah mula tinggi (dhuha) dan beliau masih berada di tempat itu. Apabila Nabi ﷺ melihatnya Baginda bersabda yang bermaksud: "Awak masih berada di tempat yang saya lihat sewaktu keluar tadi?". "Ya", jawab isterinya. Sabdanya lagi: "Sesungguhnya saya telah membaca selepas meninggalkan awak empat kalimah sebanyak tiga kali yang jika ditimbang dengan bacaan yang awak baca pada hari ini, timbangannya lebih berat lagi". (lihat bacaan No. 94) [Sahih Muslim No. 2726].

Penyusun telah memilih bacaan doa atau zikir dari hadis-hadis yang sahih, hasan atau

yang mempunyai sanad yang baik yang boleh beramal dengannya berdasarkan hukum yang diputuskan oleh ulama' hadis.

Oleh kerana semua bacaan doa dan zikir tersebut dalam Bahasa Arab, maka disarankan kepada pembaca agar mempelajari bacaan teks doa atau zikir daripada orang yang boleh atau memahami bahasa arab agar setiap kalimat yang dibaca betul dari segi bacaan dan maknanya kerana apabila bacaan berubah, maka ertinya juga akan berubah. Kalimat bahasa arab juga adakalanya tidak dapat diterjemahkan ertinya dengan sepenuhnya kerana Nabi ﷺ telah diberi kelebihan oleh Allah dengan *"Jawami' Al-Kalim"* iaitu ucapan yang ringkas tetapi mengandungi erti yang panjang dan mendalam. Adapun terjemahan setiap doa dan zikir hanyalah sebagai bantuan untuk memahami erti setiap bacaan agar

menambahkan rasa khusyuk sewaktu membacanya.

Akhirnya saya mengucapkan *'Jazakumullahu khairan kathira'* kepada penyusun asal dan kepada sahabat saya Salehuddin bin Abu Samah dan Khairil Husaini bin Jamil mahasiswa Universiti Islam Madinah dan lainnya yang turut membantu menyemak terjemahan buku ini. Semoga semua amalan yang kita lakukan diterima oleh Allah sebagai amal kebaikan pada hari akhirat nanti, Amin.

Penterjemah,
Abu Anas Madani,
Abdul Basit bin Abdul Rahman.
Madinah, 27 Safar 1423H.
Bersamaan 10 May 2002.

Muqaddimah Penyusun.

إِنَّ الحَمْدَ لِلّٰهِ، نَحْمَدُهُ، وَنَسْتَعِيْنُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا، وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْماً كَثِيْراً، أَمَّا بَعْدُ.

Buku ini adalah ringkasan dari buku saya:

(الذِّكْرُ وَالدُّعَاءُ وَالعِلاَجُ بِالرُّقَى مِنَ الكِتَابِ وَالسُّنَّةِ)

Saya telah meringkaskan bahagian zikir supaya senang dibawa ketika bermusafir.

Saya hanya mengambil teks (matan) zikir dan saya hanya menyebut satu atau dua sumber rujukan daripada kitab asal. Sesiapa yang ingin mengetahui sahabat-sahabat Nabi yang meriwayatkan hadis-hadis ini dengan lebih terperinci lagi atau tentang *takhrij* (sumber rujukan) hadis bolehlah merujuk kepada kitab asal.

Saya memohon kepada Allah ﷻ dengan nama-namaNya yang indah dan sifat-sifatNya Yang Maha Tinggi agar menjadikan amalan ini ikhlas keranaNya dan dapat memberi manfaat dengannya semasa hidup saya dan selepas saya mati. Begitu juga kepada mereka yang membaca atau mencetaknya atau

menjadi penyebab kepada tersebarnya buku ini kerana sesungguhnya Allah ﷻ sangat berkuasa ke atasnya.

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

Penyusun.

Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahf Al-Qahtani.

Safar 1409H.

KELEBIHAN ZIKIR.

Allah Ta'ala berfirman:

﴿ فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴾

"Kerana itu, ingatlah kamu kepadaKu nescaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepadaKu, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat) Ku".
(Al-Baqarah, ayat 152).

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya".
(Al-Ahzab, ayat 41).

﴿ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴾.

"Lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar". (Al-Ahzab, ayat 35).

﴿ وَٱذْكُر رَّبَّكَ فِى نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ ٱلْقَوْلِ بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴾.

"Dan sebutlah serta ingatlah akan tuhanmu di dalam hatimu dengan merendahkan diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintahnya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara pada waktu pagi dan

petang. Dan janganlah engkau tergolong dari kalangan orang-orang yang lalai".
(Al-A'raf, ayat 205).

Sabda Nabi ﷺ:

(مَثَلُ الذِّيْ يَذْكُرُ رَبَّهُ وَالذِّيْ لاَ يَذْكُرُ رَبَّهُ مَثَلُ الحَيِّ وَالمَيِّتِ)

"Perumpamaan orang yang menyebut (nama) Tuhannya dengan orang yang tidak menyebut (nama) Tuhannya umpama orang yang hidup dengan orang yang mati"[1].

Sabda Nabi ﷺ:

---

[1] Sahih al-Bukhari serta Fathul Bari (11/208). Sahih Muslim dengan lafaz: 'Perumpamaan rumah yang disebut (nama) Tuhannya dengan rumah yang tidak disebut (nama) Tuhannya, umpama orang hidup dengan orang mati'. (1/539).

(أَلاَ أُنَبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ، وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِيْكِكُمْ، وَأَرْفَعِهَا فِيْ دَرَجَاتِكُمْ، وَخَيْرٍ لَكُمْ مِنْ إِنْفَاقِ الذَّهَبِ وَالوَرِقِ، وَخَيْرٍ لَكُمْ مِنْ أَنْ تَلْقَوْا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوْا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوْا أَعْنَاقَكُمْ ؟ قَالُوْا بَلَى. قَالَ: ذِكْرُ اللهِ تَعَالَى).

"Mahukah aku khabarkan kepadamu sebaik-baik amalan kamu, yang paling suci di sisi Tuhan kamu, yang paling tinggi darjatnya bagimu, yang lebih baik bagimu dari menderma emas dan perak dan lebih baik bagimu dari bertemu dengan musuh maka kamu memenggal leher mereka dan mereka memenggal leher kamu? Jawab sahabat: Mahu! Sabda Nabi ﷺ: "Menyebut dan

mengingati Allah Ta'ala"[1]

Sabda Nabi ﷺ:

(يَقُوْلُ اللهُ تَعَالَى: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِيْ بِيْ، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِيْ، فَإِنْ ذَكَرَنِيْ فِيْ نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِيْ نَفْسِيْ، وَإِنْ ذَكَرَنِيْ فِيْ مَلأٍ ذَكَرْتُهُ فِيْ مَلأٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ شِبْراً تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعاً، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعاً تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعاً، وَإِنْ أَتَانِيْ يَمْشِيْ أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً).

"Allah ﷻ berfirman (dalam hadis qudsi): Aku mengikut sangkaan hambaKu kepadaKu, Aku

---

[1] At-Tirmizi (5/459), Ibnu Majah (2/1245). Lihat: Sahih Ibnu Majah (2/316), Sahih At-Tirmizi (3/139).

bersamanya (memberi rahmat dan membelanya) apabila dia mengingatiKu. Jika mereka mengingatiKu dalam dirinya nescaya Aku menyebutnya dalam diriKu. Apabila mereka menyebut namaKu dalam kumpulan nescaya Aku menyebutnya dalam kumpulan yang lebih baik daripada mereka. Jika mereka menghampiriKu sejengkal, Aku mendekati mereka sehasta. Jika mereka menghampiriku sehasta aku mendekati mereka sedepa dan apabila mereka datang kepadaKu dalam keadaan berjalan, Aku datang kepada mereka berlari"[1]

Dari Abdullah bin Busr ﷺ bahawa seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah! Syariat (tuntutan) Islam telah banyak ke atas saya, maka khabarkanlah kepada saya sesuatu

---

[1] Al-Bukhari (8/171), Muslim (4/2061). Lafaz hadis menurut riwayat Al-Bukhari.

yang boleh saya berpegang dengannya. Sabda Nabi ﷺ:

(لاَ يَزَالُ لِسَانُكَ رَطْباً مِنْ ذِكْرِ اللهِ)

"Sentiasalah basahi lidahmu dengan menyebut nama Allah"[1]

Sabda Nabi ﷺ:

(مَنْ قَرَأَ حَرْفاً مِنْ كِتَابِ اللهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لاَ أَقُوْلُ: ﴿ الٓمٓ ﴾ حَرْفٌ؛ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ، وَلاَمٌ حَرْفٌ، وَمِيْمٌ حَرْفٌ).

"Sesiapa membaca satu huruf dari kitab

---

[1] At-Tirmizi (5/458), Ibnu Majah (2/1246). Lihat: Sahih At-Tirmizi (3/139), Sahih Ibnu Majah (2/317).

Allah (Al-Quran) maka baginya satu kebajikan dan satu kebajikan pahalanya sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan 'Alif, Lam, Mim' itu satu huruf, tetapi 'Alif' satu huruf, 'Lam' satu huruf dan 'Mim' satu huruf"[1]

Dari 'Uqbah bin 'Amir ﷺ: "Rasulullah ﷺ keluar dari rumahnya ketika kami berada di Suffah (belakang masjid). Baginda bersabda:

(أَيُّكُمْ يُحِبُّ أَنْ يَغْدُوَ كُلَّ يَوْمٍ إِلَى بُطْحَانَ أَوْ إِلَى العَقِيْقِ فَيَأْتِيَ مِنْهُ بِنَاقَتَيْنِ كَوْمَاوَيْنِ فِيْ غَيْرِ إِثْمٍ وَلاَ قَطِيْعَةِ رَحِمٍ ؟ فَقُلْنَا: يَا رَسُوْلَ اللهِ نُحِبُّ ذَلِكَ. قَالَ: أَفَلاَ يَغْدُو أَحَدُكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَيَعْلَمَ، أَوْ يَقْرَأَ

---

[1] At-Tirmizi (5/175). Lihat: Sahih At-Tirmizi (3/9), Sahih al-Jami' as-saghir (5/340).

آيَتَيْنِ مِنْ كِتَابِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ خَيْرٌ لَهُ مِنْ نَاقَتَيْنِ، وَثَلاَثٌ خَيْرٌ لَهُ مِنْ ثَلاَثٍ، وَأَرْبَعٌ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَرْبَعٍ، وَمِنْ أَعْدَادِهِنَّ مِنَ الإِبِلِ).

"Siapa daripada kalangan kamu yang suka keluar pada setiap hari untuk pergi ke Buth-han atau Al-Aqiq kemudian membawa balik dua ekor unta yang besar dengan tidak melakukan dosa atau memutuskan silaturrahim? Kami menjawab: Wahai Rasulullah, kami suka melakukannya. Sabdanya: "Bukankah kamu pergi ke masjid untuk mengajar atau membaca dua ayat dari kitab Allah itu nilaiannya lebih baik daripada dua ekor unta, tiga ayat lebih baik daripada tiga ekor, empat ayat lebih baik daripada empat ekor dan bilangan ayat yang kamu

baca lebih baik daripada bilangan unta?"[1].

Sabda Nabi ﷺ:

(مَنْ قَعَدَ مَقْعَداً لَمْ يَذْكُرِ اللهَ فِيْهِ كَانَتْ عَلَيْهِ مِنَ اللهِ تِرَةٌ، وَمَنِ اضْطَجَعَ مَضْجَعاً لَمْ يَذْكُرِ اللهَ فِيْهِ كَانَتْ عَلَيْهِ مِنَ اللهِ تِرَةٌ).

"Sesiapa yang duduk di suatu tempat dengan tidak menyebut nama Allah di tempat tersebut, dia akan ditimpakan oleh Allah sesuatu yang merugikan, dan sesiapa yang berbaring di suatu tempat dengan tidak menyebut nama Allah di tempat tersebut, dia akan ditimpakan oleh Allah sesuatu yang merugikan"[2].

---

[1] Muslim (1/553).

[2] Abu Daud (4/264), Ahmad 2/389. Lihat: Sahih al-Jami'. (5/342).

Sabda Nabi ﷺ:

(مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِساً لَمْ يَذْكُرُوا اللهَ فِيْهِ، وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَى نَبِيِّهِمْ إِلاَّ كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةً، فَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ).

"Tidak duduk suatu kaum dalam satu majlis dalam keadaan tidak menyebut nama Allah padanya dan tidak berselawat ke atas Nabi ﷺ melainkan mereka akan ditimpa kerugian. Jika Allah menghendaki mereka disiksa, mereka akan disiksa dan jika dikehendaki olehNya, Dia akan mengampunkan mereka"[1].

---

[1] At-Tirmizi; Lihat Sahih At-Tirmizi (3/140).

Sabda Nabi ﷺ:

(مَا مِنْ قَوْمٍ يَقُوْمُوْنَ مِنْ مَجْلِسٍ لاَ يَذْكُرُونَ اللهَ فِيْهِ إِلاَّ قَامُوْا عَنْ مِثْلِ جِيْفَةِ حِمَارٍ وَكَانَ لَهُمْ حَسْرَةً).

"Tidak beredar suatu kaum dari majlis yang tidak disebut nama Allah padanya melainkan mereka seumpama bangun dari melingkungi bangkai himar (keldai) dan mereka mendapat kerugian"[1].

---

[1] Abu Daud (4/264), Musnad Ahmad (2/389). Lihat: Sahih al-Jami'. (5/176).

1. Doa ketika bangun dari tidur.

(1)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ.

"Segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami selepas mematikan kami dan kepadaNya kami akan kembali"[1].

(2)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ ولَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. سُبْحَانَ اللهِ،

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/113, Muslim 4/2083.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، رَبِّ اغْفِرْ لِي.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kekuasaan dan bagiNya pujian dan Dia berkuasa atas setiap sesuatu. Maha suci Allah, Segala puji bagi Allah dan tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan dengan keizinan Allah, Ya Allah ampunilah daku"[1]

---

[1] "Sesiapa yang membacanya akan diampunkan baginya, kalau dia berdoa diperkenankan doanya, kalau dia bangun berwudhu' kemudian menunaikan solat diterima solatnya" Al-Bukhari serta Fathul Bari 3/39 dan lainnya, lafaz hadis riwayat Ibnu Majah. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/335.

(3)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي فِي جَسَدِيْ، وَرَدَّ عَلَيَّ رُوحِي، وَأَذِنَ لِي بِذِكْرِهِ .

"Segala puji bagi Allah yang memberikan nikmat kesihatan pada tubuhku dan mengembalikan kepadaku rohku dan mengizinkan aku untuk mengingatiNya"[1].

(4)

﴿ إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُوْلِي ٱلْأَلْبَٰبِ ١٩٠ ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

---

[1] At-Tirmizi 5/473, Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/144.

وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا
خَلَقْتَ هَـٰذَا بَـٰطِلًا سُبْحَـٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ
﴿١٩١﴾ رَبَّنَآ إِنَّكَ مَن تُدْخِلِ ٱلنَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُۥ ۖ وَمَا
لِلظَّـٰلِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾ رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعْنَا
مُنَادِيًا يُنَادِى لِلْإِيمَـٰنِ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِرَبِّكُمْ فَـَٔامَنَّا ۚ
رَبَّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا
وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلْأَبْرَارِ ﴿١٩٣﴾ رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدتَّنَا
عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ ۗ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ
ٱلْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾ فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّى لَآ

أُضِيعُ عَمَلَ عَـٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ
بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ فَٱلَّذِينَ هَاجَرُواْ وَأُخْرِجُواْ مِن
دِيَـٰرِهِمْ وَأُوذُواْ فِى سَبِيلِى وَقَـٰتَلُواْ وَقُتِلُواْ
لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّـٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ وَٱللَّهُ
عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾ لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ ٱلَّذِينَ
كَفَرُواْ فِى ٱلْبِلَـٰدِ ﴿١٩٦﴾ مَتَـٰعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَىٰهُمْ
جَهَنَّمُ وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾ لَـٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْاْ
رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّـٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ

خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ لِّلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾ وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَمَن يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَٰشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَشْتَرُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿١٩٩﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾ ﴾.

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (190)

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah sama ada ketika berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan semua ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka (191).

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya orang-orang yang Engkau telah masukkan ke dalam Neraka maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya dan orang-orang yang zalim tidak ada baginya walaupun seorang penolong (192).

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada keimanan berkata: Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu, maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-

kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang-orang yang baik (yang banyak berbuat kebajikan) (193).

Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami pahala yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui Rasul-rasulMu dan janganlah Engkau hinakan kami pada Hari Kiamat; sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji (194).

Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firmanNya): Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amalan orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya) dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya dan yang disiksa (dengan pelbagai siksaan) kerana

menjalankan agamaKu dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil), sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh) (195).

Jangan sekali-kali engkau (wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha gerakan orang-orang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan kepada mereka) (196).

(Semua) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, (yang akan lenyap), lalu tempat kembali mereka adalah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal (197).

Sebaliknya orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka, akan beroleh Syurga-

syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya sebagai tempat tinggal (yang dikurniakan) oleh Allah dan segala yang ada di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang berbakti (yang taat, yang banyak berbuat kebajikan) (198).

Dan sesungguhnya ada di antara Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (Al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka. Mereka tunduk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat segera perhitungan hisabNya (199).

Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan bersedialah (dengan

kekuatan pertahanan di perbatasan) serta bertakwalah kamu kepada Allah semoga kamu berjaya (mencapai kemenangan)" (200)[1].

2. Doa ketika memakai pakaian.

(5)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي هَذَا (الثَّوْبَ) وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ.

"Segala puji bagi Allah yang memakaikan aku (pakaian) ini, dan memberi rezeki kepadaku tanpa daya dan kekuatan dariku"[2].

---

[1] Surah Ali 'Imran, ayat 190 hingga 200. Al-Bukhari serta Fathul Bari 8/237, Muslim 1/530.

[2] Hadis ini dikeluarkan oleh Ahlus Sunan kecuali An-Nasai. Lihat: Irwa' Al-Ghalil 7/47.

3. Doa ketika memakai pakaian baru.

(6)

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ كَسَوْتَنِيهِ، أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ وَخَيْرِ مَا صُنِعَ لَهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا صُنِعَ لَهُ.

"Ya Allah bagiMu segala pujian, Engkaulah yang memakaikannya padaku. Aku memohon kepadaMu kebaikannya dan kebaikan tujuan ia dicipta dan aku memohon perlindungan denganMu daripada kejahatannya dan kejahatan tujuan ia dicipta"[1].

---

[1] Abu Daud, At-Tirmizi dan Al-Baghawi. Lihat: Mukhtasar Syamail At-Tirmizi susunan Al-Albani 47.

4. Doa apabila melihat orang memakai pakaian baru.

(7)

تُبْلِي وَيُخْلِفُ اللهُ تَعَالَى.

"Sekiranya rosak, semoga Allah menggantikannya"[1].

(8)

الْبَسْ جَدِيداً، وَعِشْ حَمِيداً، وَمُتْ شَهِيداً.

"Pakailah pakaian baru dan hiduplah dalam keadaan terpuji dan matilah dalam keadaan syahid"[2].

---

[1] Abu Daud 4/41. Lihat: Sahih Abu Daud 2/760.

[2] Ibnu Majah 2/1178, Al-Baghawi 12/41. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/275.

5. Doa ketika menanggalkan pakaian.

(9)

بِسْمِ اللهِ.

"Dengan Nama Allah"[1].

6. Doa ketika masuk tandas.

(10)

[بِسْمِ اللهِ] اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبُثِ وَالْخَبَائِثِ.

"Dengan Nama Allah, Ya Allah aku berlindung denganMu daripada syaitan jantan dan syaitan betina"[2].

---

[1] At-Tirmizi 2/505 dan lainnya. Lihat: Irwa' Al-Ghalil No. 49, Sahih al-Jami' 3/203.

[2] Al-Bukhari 1/45, Muslim 1/283, tambahan "Bismillah" di awalnya dikeluarkan oleh Sa'id bin Mansur. Lihat: Fathul Bari 1/244.

7. Doa ketika keluar tandas.

(11)

غُفْرَانَكَ.

"Aku memohon keampunan daripadaMu"[1].

8. Bacaan sebelum berwudhu'.

(12)

بِسْمِ اللّٰهِ

"Dengan nama Allah"[2].

---

[1] Ashab As-Sunan kecuali An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah. Lihat: Takhrij Zadul Ma'ad 2/387.

[2] Abu Daud, Ibnu Majah, Ahmad. Lihat: Irwa' Al-Ghalil 1/22.

9. Bacaan selepas berwudhu'.

(13)

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

"Aku mengaku bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, Yang tiada sekutu bagiNya dan aku mengaku bahawasanya Nabi Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya"[1].

(14)

اَللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ.

---

[1] Muslim 1/209.

"Ya Allah, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada golongan orang-orang yang bersih"[1].

(15)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

"Maha Suci Engkau Ya Allah dan segala puji bagi Allah. Aku mengaku bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Aku memohon keampunanMu dan aku bertaubat kepadaMu"[2].

---

[1] At-Tirmizi 1/78. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/18.

[2] An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah 173. Lihat: Irwa' Al-Ghalil 1/135, 2/94.

10. Doa ketika keluar rumah.

(16)

بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ.

"Dengan nama Allah aku bertawakkal kepadaNya dan tiada daya serta upaya kecuali dengan keizinan Allah"[1].

(17)

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أُضَلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزَلَّ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ .

---

[1] Abu Daud 4/325, At-Tirmizi 5/490. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/151.

"Ya Allah, aku berlindung denganMu supaya tidak sesat atau disesatkan, menyeleweng atau diselewengkan, berbuat aniaya atau dianiayakan, bodoh atau diperbodohkan ke atasku"[1].

11. Doa ketika memasuki rumah.

(18)

بِسْمِ اللهِ وَلَجْنَا، وَبِسْمِ اللهِ خَرَجْنَا، وَعَلَى اللهِ رَبِّنَا تَوَكَّلْنَا.

"Dengan nama Allah kami masuk dan dengan nama Allah kami keluar dan kepada Allah kami bertawakkal".

---

[1] Ahlu as-Sunan. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/152, Sahih Ibnu Majah 2/336.

Kemudian memberi salam kepada keluarganya[1].

12. Doa pergi ke masjid.

(19)

اَللَّهُمَّ اجْعَلْ فِيْ قَلْبِيْ نُوْرًا، وَفِي لِسَانِي نُوراً، وَفِيْ سَمْعِيْ نُوْرًا، وَفِيْ بَصَرِيْ نُوْرًا، وَمِنْ فَوْقِيْ نُوْرًا، وَمِنْ تَحْتِيْ نُوْرًا، وَعَنْ يَمِيْنِيْ

---

[1] Abu Daud dengan sanad yang sahih 4/325. Tersebut dalam al-Sahih: "Apabila seorang masuk ke dalam rumahnya dengan menyebut nama Allah ketika masuk dan ketika makan, syaitan berkata: tidak ada tempat untuk bermalam dan tidak ada makan malam". Muslim No. 2018.

نُوْراً، وَعَنْ شِمَالِيْ نُوْراً، وَمِنْ أَمَامِيْ نُوْرًا، وَمِنْ خَلْفِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ فِيْ نَفْسِيْ نُوْراً، وَأَعْظِمْ لِيْ نُوْراً، وَعَظِّمْ لِيْ نُوْراً، وَاجْعَلْ لِيْ نُوْراً، وَاجْعَلْنِيْ نُوْراً، اَللّٰهُمَّ أَعْطِنِيْ نُوْرًا، وَاجْعَلْ فِيْ عَصَبِيْ نُوْراً، وَفِيْ لَحْمِيْ نُوْراً، وَفِيْ دَمِيْ نُوْراً، وَفِيْ شَعْرِيْ نُوْراً، وَفِيْ بَشَرِيْ نُوْراً.

"Ya Allah, jadikanlah pada hatiku cahaya, pada lidahku (percakapanku) cahaya, pada pendengaranku cahaya, pada penglihatanku cahaya, dari atasku cahaya, dari bawahku cahaya, dari kananku cahaya, dari kiriku cahaya, dari hadapanku cahaya dan dari

belakangku cahaya. Jadikanlah dalam diriku cahaya, besarkanlah cahaya bagiku dan agungkanlah cahaya bagiku. Jadikanlah bagiku cahaya serta jadikanlah diriku cahaya. Ya Allah, berikanlah kepadaku cahaya dan jadikanlah dalam urat sarafku cahaya, dalam dagingku cahaya, dalam darahku cahaya, pada rambutku cahaya dan pada kulitku cahaya"[1].

[اَللّهُمَّ اجْعَلْ لِيْ نُوْراً فِيْ قَبْرِيْ.. وَنُوْراً فِيْ عِظَامِيْ]

"Ya Allah, jadikanlah bagiku cahaya dalam

---

[1] Semuanya tersebut dalam Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/116 No. 3616. Muslim 1/526, 529 dan 530 No. 763.

kuburku...dan cahaya pada tulangku"[1].

[وَزِدْنِيْ نُوْراً، وَزِدْنِيْ نُوْراً، وَزِدْنِيْ نُوْراً]

"Tambahlah bagiku cahaya, tambahlah bagiku cahaya, tambahlah bagiku cahaya"[2].

[وَهَبْ لِيْ نُوْراً عَلَى نُوْرٍ].

"Berikanlah kepadaku cahaya yang berganda"[3].

---

[1] At-Tirmizi No. 3419. 5/483.

[2] Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad 258, No. 695. Lihat: Sahih Al-Adab al-Mufrad No. 536.

[3] Al-Hafiz Ibnu Hajar menyebutnya dalam Fathul Bari dan merujukkannya kepada Ibni Abi 'Asim dalam kitab 'Al-Doa'. Lihat Fathul Bari 11/118, katanya: 'Terkumpul dari berbagai riwayat sebanyak 25 perkara'.

13. Doa ketika masuk masjid.

(20)

أَعُوذُ بِاللهِ الْعَظِيمِ، وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ، مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. [بِسْمِ اللهِ، وَالصَّلَاةُ] [وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللهِ]، اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.

"Aku berlindung dengan Allah Yang Maha Agung dan dengan wajahNya Yang Mulia dan kekuasaanNya yang kekal dari syaitan yang direjam (a). Dengan nama Allah dan selawat (b) serta salam ke atas Rasulullah (c). Ya Allah bukakanlah kepadaku pintu-pintu rahmatMu"(d)[1].

---

[1] (a) Abu Daud. Lihat: Sahih al-Jami' No. 4591. (b) Ibnu As-Sunni No. 88 (Al-Albani: Hasan). (c)=

14. Doa ketika keluar masjid.

(21)

بِسْمِ اللهِ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُولِ اللهِ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ، اَللَّهُمَّ اعْصِمْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ .

"Dengan nama Allah dan selawat serta salam ke atas Rasulullah. Ya Allah, aku memohon kepadaMu limpah kurniaanMu. Ya Allah, Peliharalah daku dari syaitan yang direjam"[1].

=Abu Daud 1/126. Lihat: Sahih al-Jami' 1/528. (d) Muslim 1/494. Dalam Ibnu Majah dari hadis Fatimah R.A: "اللهم اغفر لي ذنوبي وافتح لي أبواب رحمتك". Kata Al-Albani: Sahih dengan shawahid. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/128-129.

[1] Lihat: Nota kaki di atas, dan tambahan dari Ibnu Majah: "اللهم اعصمني من الشيطان الرجيم". Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/129.

15. Bacaan ketika dan selepas Azan.

(22)

Sesiapa yang mendengar azan hendaklah dia mengulangi kalimah yang diucapkan oleh muazzin kecuali ketika:

حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ dan حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ.

Ketika itu sebutlah: لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ

"Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah"[1].

(23)

Ucaplah selepas muazzin mengucap Kalimah Shahadah:

---

[1] A-Bukhari 1/152, Muslim 1/288.

وَأَنَا أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبّاً، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُوْلاً، وَبِالإِسْلامِ دِيناً.

"Aku mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu baginya dan Nabi Muhammad adalah hamba serta utusanNya. Aku redha Allah sebagai Tuhan, Nabi Muhammad sebagai rasul dan Islam sebagai agama"[1].

(24)
Berselawat ke atas Rasulullah ﷺ selepas selesai mengikuti ucapan muazzin[2].

---

[1] Muslim 1/290, Ibnu Khuzaimah 1/220.
[2] Muslim 1/288.

(25)

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلاَةِ القَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّداً الوَسِيلَةَ وَالفَضِيلَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَاماً مَحْمُوْداً الَّذِي وَعَدْتَهُ ، [إِنَّكَ لاَ تُخْلِفُ الْمِيعَادِ].

"Ya Allah, Tuhan yang mensyariatkan seruan Azan yang sempurna dan Solat yang akan didirikan, kurniakanlah kepada Nabi Muhammad keutamaan dan kelebihan, kemuliaan dan darjat yang tinggi serta limpahkanlah kepadanya maqam yang terpuji yang telah Engkau janjikannya.

Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji"[1].

(26)

Berdoalah untuk diri sendiri di antara azan dan iqamat kerana doa pada waktu itu tidak ditolak (akan diperkenankan)[2].

16. Doa Istiftah (Permulaan Solat).

(27)

اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنْ

---

[1] Al-Bukhari 1/152. dalam kurungan riwayat Al-Baihaqi 1/410. Kata Ibnu Baz: Sanadnya Hasan. Lihat: Tuhfah al-Akhyar 38.

[2] At-Tirmizi, Abu Daud, Ahmad. Lihat: Irwa' al-Ghalil 1/262.

خَطَايَايَ، كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اللَّهُمَّ اغْسِلْنِي مِنْ خَطَايَايَ بِالثَّلْجِ وَالْمَاءِ وَالْبَرَدِ.

"Ya Allah, jauhilah di antaraku dan kesalahanku seperti Engkau jauhkan di antara timur dan barat. Ya Allah, sucikanlah aku dari kesalahanku seperti dibersihkan kain yang putih dari kekotoran. Ya Allah, bersihkanlah aku dari kesalahanku dengan air salji, air dan air sejuk"[1].

---

[1] Al-Bukhari 1/181, Muslim 1/419.

(28)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، وَتَبَارَكَ اسْمُكَ، وَتَعَالَى جَدُّكَ وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ.

“Maha Suci Engkau Ya Allah dengan memujiMu, berkat namaMu, tinggi kemuliaanMu dan tiada Tuhan yang berhak disembah selainMu”[1].

(29)

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفاً وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ

[1] Dikeluarkan oleh Ashab As-Sunan Al-Arbaah. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/77, Sahih Ibnu Majah 1/135.

صَلاتِي، وَنُسُكِي، وَمَحْيَايَ، وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعاً إِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ. وَاهْدِنِي لأَحْسَنِ الأَخْلاقِ لاَ يَهْدِي لأَحْسَنِهَا إِلاَّ أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا، لاَ يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلاَّ أَنْتَ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ، وَالْخَيْرُ كُلُّهُ بِيَدَيْكَ، وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ،

تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ.

"Aku menghadapkan mukaku kepada Tuhan pencipta langit dan bumi dengan berpegang pada agama yang lurus dan aku bukan daripada golongan orang-orang musyrik. Sesungguhnya solatku, ibadatku dan hidupku serta matiku adalah untuk Allah, tuhan sekalian alam, tiada sekutu bagiNya dan untuk itu aku diperintahkan dan aku termasuk daripada golongan orang muslimin.

Ya Allah, Engkau adalah pemerintah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Engkau Tuhanku dan aku hambaMu, aku telah menzalimi diriku dan mengakui kesalahanku, maka ampunilah semua kesalahanku. Sesungguhnya tiada yang boleh mengampuni kesalahan selain Engkau.

Tunjukkan kepadaku akhlak yang baik, tidak ada yang boleh menunjukkan

kepadanya kecuali Engkau. Hindarkan aku dari akhlak yang jahat, tiada yang boleh menghindarkanku daripadanya kecuali Engkau. Aku sahut seruanMu dengan kegembiraan yang berganda-ganda, seluruh kebaikan di kedua tanganMu. Kejahatan tidak ada padaMu. Aku hidup dengan pertolonganMu dan untukMu. Maha Suci Engkau dan Maha Tinggi, aku memohon keampunanMu dan aku bertaubat kepadaMu"[1].

(30)

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ

---

[1] Muslim 1/534.

وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ. اهْدِنِي لِمَا اخْتُلِفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

"Ya Allah, Tuhan Jibrail, Mikail dan Israfil. Pencipta langit dan bumi, Yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Engkaulah yang menghakimi di antara hambaMu dalam setiap perkara yang mereka perselisihkan. Pimpinlah aku di dalam perselisihan itu ke arah kebenaran dengan keizinanMu, sesungguhnya Engkau memimpin orang yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus"[1].

---

[1] Muslim 1/534

(31)

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيراً، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيراً، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيراً، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيراً، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيراً، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيراً، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلاً. (ثلاثاً).

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ: مِنْ نَفْخِهِ، وَنَفْثِهِ، وَهَمْزِهِ.

"Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak, segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak, segala puji bagi Allah dengan pujian yang banyak, Maha suci Allah pada waktu pagi dan petang".

(tiga kali).

"Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam, godaannya, tiupannya dan rayuannya"[1].

(32)

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، [وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ] [وَلَكَ الْحَمْدُ لَكَ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ

---

[1] Abu Daud 1/203, Ibnu Majah 1/265, Ahmad 4/85 dan Muslim 1/420 dari Ibnu Umar ﷺ seumpamanya dan terdapat kisah padanya.

وَمَنْ فِيهِنَّ] [وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ مَلِكُ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ] [وَلَكَ الْحَمْدُ] [أَنْتَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَقَوْلُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ الْحَقُّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ ﷺ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ] [اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَإِلَيْكَ أَنَبْتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ، وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ، وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ، وَمَا أَعْلَنْتُ] [أَنْتَ الْمُقَدِّمُ، وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ] [أَنْتَ إِلَهِي

لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ .

"Ya Allah, bagiMu segala kepujian[1], Engkaulah (pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi serta segala yang ada di dalamnya. Bagi Engkau kepujian, Engkaulah yang mengurusi langit dan bumi serta segala yang ada di dalamnya. Bagi Engkau kepujian, Engkaulah Tuhan di langit dan di bumi dan segala yang terkandung padanya. Bagi Engkau kepujian, kepunyaan Engkau kerajaan di langit dan di bumi dan segala yang terkandung padanya. Bagi Engkau kepujian, Engkaulah penguasa langit dan bumi. Bagi Engkau kepujian, Engkau Yang Maha Benar. Janji engkau adalah benar, percakapan Engkau adalah benar, pertemuan

---

Bacaan ini dibaca oleh Rasulullah ﷺ apabila Baginda bangun bertahajud pada waktu malam.

denganMu adalah benar, syurga adalah benar, neraka adalah benar, Nabi-nabi adalah benar, Nabi Muhammad ﷺ adalah benar dan hari kiamat adalah benar. Ya Allah, kepadaMu aku berserah, kepadaMu aku bertawakal, denganMu aku beriman, kepadaMu aku bertaubat, dengan pertolonganMu aku berhujjah dan ke arah Engkau aku membuat keputusan. Ampunilah dosaku yang terdahulu dan terkemudian, yang aku sembunyikankan dan aku zahirkan. Engkaulah yang terawal dan yang terakhir, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau"[1].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 3/3, 11/116, 13/371,423,465, Muslim 1/532 dengan ringkas seumpamannya.

17. Doa ketika rukuk.

(33)

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ.

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung". (tiga kali)[1].

(34)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي.

"Maha Suci Engkau Ya Allah Ya Tuhan kami dan segala puji untukMu. Ya Allah, ampunilah daku"[2].

---

[1] Ahlu as-Sunan dan Ahmad. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/83.

[2] Al-Bukhari 1/99, Muslim 1/350.

(35)

سُبُّوحٌ، قُدُّوسٌ، رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ.

" Maha Suci Tuhan dari segala keaiban, Yang Maha Suci, Tuhan malaikat dan roh"[1].

(36)

اللَّهُمَّ لَكَ رَكَعْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَلَكَ أَسْلَمْتُ خَشَعَ لَكَ سَمْعِي، وَبَصَرِي، وَمُخِّي، وَعَظْمِي، وَعَصَبِي، وَمَا اسْتَقَلَّ بِهِ قَدَمِي.

"Ya Allah, kepadaMu aku rukuk dan denganMu aku beriman, kepadaMu aku berserah, telah tunduk khusyuk kepadaMu

---

[1] Muslim 1/353, Abu Daud 1/230.

pendengaranku, penglihatanku, akal fikiranku, tulang dan urat sarafku dan segala yang terdiri dengan kakiku"[1]

(37)

سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ، وَالْمَلَكُوتِ، وَالْكِبْرِيَاءِ، وَالْعَظَمَةِ.

"Maha Suci Tuhan Yang mempunyai kekuasaan dan kerajaan, kebesaran dan keagungan"[2].

---

[1] Muslim 1/534, Sunan empat kecuali Ibnu Majah.

[2] Abu Daud 1/230, An-Nasai, Ahmad. Sanadnya: Hasan.

18. Doa ketika bangun dari rukuk (I'tidal).

(38)

سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ.

"Allah telah mendengar orang-orang yang memujiNya"[1]

(39)

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، حَمْداً كَثِيراً طَيِّباً مُبَارَكاً فِيهِ.

"Wahai Tuhan kami, bagi Engkau segala pujian, pujian yang banyak, elok dan mengandungi keberkatan padanya"[2].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 2/282.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 2/284.

(40)

مِلْءَ السَّمَوَاتِ وَمِلْءَ الأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا، وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَهْلَ الثَّنَاءِ وَالْمَجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ، وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ. اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ .

"(Aku memujiMu) dengan pujian sepenuh langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dan sepenuh yang Engkau kehendaki dari sesuatu selepas itu. Tuhan yang berhak dipuji dan Yang Mulia. Inilah sebenarnya yang berhak dikatakan oleh hamba dan kami semua bagi Engkau adalah hamba. Ya Allah, tiada yang dapat menegah

sesuatu yang telah Engkau berikan dan tiada yang mampu memberi sesuatu yang telah Engkau tegahkan dan tidak bermanfaat orang yang mempunyai kelebihan (harta, keturunan, kekuasaan) dengan kelebihannya itu daripada kekuasaan Engkau"[1].

19. Doa ketika sujud.

(41)

سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى.

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi". (Tiga kali)[2].

---

[1] Muslim 1/346.

[2] Ahlu as-Sunan dan Ahmad. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/83.

(42)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي.

"Maha Suci Engkau Ya Allah, Ya Tuhan kami dan dengan memujiMu Ya Allah, ampunilah aku"[1].

(43)

سُبُّوحٌ، قُدُّوسٌ، رَبُّ الْمَلائِكَةِ وَالرُّوحِ.

"Maha Suci Tuhan daripada segala keaiban, Yang Maha Suci, Tuhan malaikat dan roh"[2].

---

[1] Al-Bukhari dan Muslim, Lihat No. 34.

[2] Muslim 1/533, Lihat No. 35.

(44)

اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ آمَنْتُ، وَلَكَ أَسْلَمْتُ، سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ، وَصَوَّرَهُ، وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ، تَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ.

"Ya Allah, kepadaMu aku sujud, kepadaMu aku beriman dan kepadaMu aku berserah. Aku sujudkan wajahku ini kepada Yang menciptanya dan membentuk rupanya serta membuka pendengarannya dan penglihatannya. Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta"[1].

---

[1] Muslim 1/534 dan lain.

(45)

سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ، وَالْمَلَكُوتِ، وَالكِبْرِيَاءِ، وَالْعَظَمَةِ.

"Maha Suci Tuhan Yang mempunyai kekuasaan dan kerajaan serta kebesaran dan keagungan"[1].

(46)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ، دِقَّهُ وَجِلَّهُ، وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ وَعَلانِيَتَهُ وَسِرَّهُ.

"Ya Allah, ampunilah dosaku seluruhnya, yang kecil dan yang besar, yang awal dan yang akhir, yang nyata dan yang terselindung"[2].

---

[1] Abu Daud 1/230, Ahmad, An-Nasai, Sahih Abu Daud 1/350.

[2] Muslim 1/350.

(47)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ، لاَ أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.

"Ya Allah, aku berlindung dengan keredhaanMu dari kemurkaanMu dan dengan keampunanMu dari balasanMu dan aku berlindung denganMu bahawa aku tidak dapat memuji Engkau seperti Engkau memuji ke atas diri Engkau sendiri"[1].

---

[1] Muslim 1/352.

20. Doa ketika duduk antara dua sujud.

(48)

رَبِّ اغْفِرْ لِي، رَبِّ اغْفِرْ لِي.

"Ya Tuhanku, ampunilah aku, ampunilah aku"[1].

(49)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَاجْبُرْنِي، وَعَافِنِيْ، وَارْزُقْنِي، وَارْفَعْنِي.

"Ya Allah, ampunilah aku, kasihanilah aku, pimpinlah aku, tambahkanlah untukku, selamatkanlah aku, kurniakanlah rezeki kepadaku dan angkatlah darjatku"[2].

---

[1] Abu Daud 1/231. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/148.

[2] Ahlu as-Sunan kecuali An-Nasai. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/90, Sahih Ibnu Majah 1/148.

21. Doa sujud tilawah.

(50)

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ، وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ، ﴿ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَـٰلِقِينَ ﴾

"Aku sujudkan wajahku ini kepada yang menciptanya dan membentuk rupanya dan yang membuka pendengarannya dan penglihatannya. Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta"[1].

---

[1] At-Tirmizi 2/474, Ahmad 6/30, Al-Hakim dengan menghukumnya sahih dan disokong oleh Az-Zahabi 1/220, tambahan daripadanya.

(51)

اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي بِهَا عِنْدَكَ أَجْراً، وَضَعْ عَنِّي بِهَا وِزْراً، وَاجْعَلْهَا لِي عِنْدَكَ ذُخْراً، وَتَقَبَّلْهَا مِنِّي كَمَا تَقَبَّلْتَهَا مِنْ عَبْدِكَ دَاوُدَ.

"Ya Allah, tuliskan bagiku dengannya (membaca Al-Quran) di sisi Engkau pahala, hapuskanlah dengannya dosaku, jadikanlah ia sebagai simpanan bagiku disisiMu dan Engkau terimalah ia dariku seperti Engkau menerimanya dari hambaMu Daud"[1].

---

[1] At-Tirmizi 2/473, Al-Hakim dengan menghukumnya: Sahih dan disokong oleh Az-Zahabi 1/219.

22. Tasyahud (Tahiyat).

(52)

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ، وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

"Semua penghormatan milik Allah. Begitu juga kesejahteraan dan kebaikan. Selawat dan salam ke atas engkau wahai Nabi serta rahmat Allah dan berkatnya keatasmu. Salam sejahtera ke atas kita dan hamba Allah yang soleh. Aku mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan

aku mengaku bahawa Muhammad itu hambaNya dan utusanNya"[1].

23. Selawat ke atas Nabi ﷺ selepas membaca tasyahud.

(53)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 1/13, Muslim 1/301.

"Ya Allah selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarga Baginda seperti Engkau kurniakan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Terpuji dan Yang Maha Mulia. Ya Allah, berkatilah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarga Baginda seperti yang telah Engkau berkati ke atas Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Terpuji dan Yang Maha Mulia"[1].

(54)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/408.

مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

"Ya Allah, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, isteri-isterinya dan keturunannya seperti Engkau telah kurniakan kepada Nabi Ibrahim. Berkatilah ke atas Nabi Muhammad, isteri-isterinya dan keturunannya seperti yang telah Engkau berkati ke atas Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Terpuji lagi Maha Mulia"[1].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/407, Muslim 1/306, lafaz hadis darinya.

24. Doa selepas membaca tasyahud akhir sebelum Salam.

(55)

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ .

"Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada azab kubur, aku berlindung denganMu daripada azab neraka jahanam, aku berlindung denganMu daripada fitnah kehidupan dan kematian dan aku berlindung denganMu daripada fitnah Al-Masih Dajjal"[1].

---

[1] Al-Bukhari 2/102, Muslim 1/412, lafaz hadis darinya.

(56)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ، وأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْمَأْثَمِ وَالْمَغْرَمِ.

"Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada azab kubur, aku berlindung denganMu daripada fitnah Al-Masih Dajjal dan aku berlindung denganMu daripada fitnah yang hidup dan yang mati. Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada dosa dan hutang"[1].

---

[1] Al-Bukhari 1/202, Muslim 1/412.

(57)

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْماً كَثِيراً، وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

"Ya Allah, aku telah banyak menzalimi diriku dan tidak ada yang mengampunkan dosa kecuali Engkau. Ampunilah aku dengan keampunan daripadaMu dan kasihanilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani"[1].

---

[1] Al-Bukhari 8/168, Muslim 4/2078.

(58)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ، وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ، وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَسْرَفْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي. أَنْتَ الْمُقَدِّمُ، وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ.

"Ya Allah, ampunkanlah dosaku yang dahulu dan yang kemudian, yang aku sembunyikan dan aku zahirkan, yang aku terlanjur dan yang Engkau lebih mengetahui mengenainya dariku. Engkaulah yang dahulu dan Engkaulah yang kemudian. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau"[1].

---

[1] Muslim 1/534.

(59)

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ .

"Ya Allah, bantulah aku dalam mengingatiMu dan bersyukur kepadaMu serta melakukan ibadat yang terbaik kepadaMu"[1].

(60)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ، وأَعُوْذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ

---

[1] Abu Daud 2/86, An-Nasai 3/53, Sahih Abu Daud 1/284.

الْعُمُرِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْقَبْرِ .

"Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada sifat bakhil, aku berlindung denganMu daripada menjadi pengecut, aku berlindung denganMu daripada dikembalikan dalam keadaan amat tua (nyanyuk), aku berlindung denganMu daripada fitnah dunia dan aku berlindung denganMu daripada azab kubur"[1].

(61)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وأَعُوْذُ بِكَ مِنَ النَّارِ .

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/35.

"Ya Allah, aku memohon daripadaMu syurga dan aku berlindung denganMu daripada neraka"[1].

(62)

اللَّهُمَّ بِعِلْمِكَ الْغَيْبَ وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ أَحْيِنِي مَا عَلِمْتَ الْحَيَاةَ خَيْراً لِي وَتَوَفَّنِي إِذَا عَلِمْتَ الْوَفَاةَ خَيْراً لِي، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَشْيَتَكَ فِي الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، وَأَسْأَلُكَ كَلِمَةَ الْحَقِّ فِي الرِّضَا وَالْغَضَبِ، وَأَسْأَلُكَ الْقَصْدَ فِي الْغِنَى وَالْفَقْرِ، وَأَسْأَلُكَ نَعِيماً لاَ يَنْفَدُ،

[1] Abu Daud. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/328.

وَأَسْأَلُكَ قُرَّةَ عَيْنٍ لاَ تَنْقَطِعُ، وَأَسْأَلُكَ الرِّضَا بَعْدَ الْقَضَاءِ، وَأَسْأَلُكَ بَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ، وَأَسْأَلُكَ لَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ وَالشَّوْقَ إِلَى لِقَائِكَ فِي غَيْرِ ضَرَّاءَ مُضِرَّةٍ وَلاَ فِتْنَةٍ مُضِلَّةٍ، اللَّهُمَّ زَيِّنَّا بِزِينَةِ الإِيمَانِ وَاجْعَلْنَا هُدَاةً مُهْتَدِينَ .

"Ya Allah, dengan pengetahuan Engkau terhadap perkara yang ghaib dan kekuasaan Engkau ke atas makhluk, hidupkanlah aku sekiranya Engkau mengetahui hidup itu lebih baik bagiku dan matikanlah aku sekiranya Engkau mengetahui mati itu lebih baik bagiku. Ya Allah, aku memohon daripadaMu sifat takutkan Engkau sama ada dalam

keadaan sembunyi atau nyata. Aku memohon kata-kata yang benar ketika redha dan semasa marah, aku memohon kepadaMu kesederhanaan semasa susah atau senang, aku memohon kepadaMu nikmat yang tidak berkurangan, aku memohon kepadaMu zuriat yang sejuk dipandang mata dan tidak akan putus, aku memohon kepadaMu keredhaan selepas ditakdirkan (terjadi sesuatu), aku memohon kepadaMu kehidupan yang baik selepas mati, aku memohon kepadaMu kelazatan melihat wajahMu, kerinduan untuk bertemu denganMu tanpa kesusahan yang memudharatkan dan fitnah yang menyesatkan. Ya Allah, hiasilah kami dengan perhiasan iman dan jadikanlah kami petunjuk kepada orang yang mendapat petunjuk"[1].

An-Nasai 3/54-55, Ahmad 4/364. Sahih An-Nasai 1/281.

(63)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ يَا اللَّهُ بِأَنَّكَ الْوَاحِدُ الأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ، أَنْ تَغْفِرَ لِي ذُنُوبِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu bahawa aku telah mengaku bahawa Engkaulah Tuhan yang Esa, yang bergantung padaNya setiap sesuatu, yang tidak beranak dan diperanakkan, tidak ada seorang pun yang setara denganNya, agar Engkau mengampuni dosa-dosaku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani"[1].

---

[1] An-Nasai 3/52 dengan lafaznya, Ahmad 4/338. Sahih An-Nasai 1/280.

(64)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنَّ لَكَ الْحَمْدَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ وَحْدَكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ، الْمَنَّانُ، يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ يَاذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ، يَاحَيُّ يَاقَيُّومُ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وأَعُوْذُ بِكَ مِنَ النَّارِ .

"Ya Allah, aku memohon kepadaMu, sesungguhnya bagi Engkaulah kepujian, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkau Yang Esa tiada sekutu bagi Engkau, Yang Menganugerahi, Yang Mengadakan langit dan bumi, Yang mempunyai Kebesaran dan Kemulian. Wahai Tuhan Yang Tetap Hidup, Yang Kekal mentadbir selama-lamanya, aku memohon

kepadaMu syurga dan aku berlindung denganMu daripada neraka”[1].

(65)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ

لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ الأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَلِدْ

وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

“Ya Allah, aku memohon kepadaMu, sesungguhnya aku telah mengaku bahawa Engkaulah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau yang Esa, yang bergantung padaNya setiap sesuatu, Yang tidak beranak dan

[1] Ahlu as-Sunan. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/329.

diperanakkan dan tidak ada seorang pun yang setara denganNya"[1].

25. Zikir selepas solat.

(66)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ.

"Aku memohon keampunanMu Ya Allah". (tiga kali)

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ

يَاذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ .

"Ya Allah, Engkau sejahtera daripada segala keaiban, daripada Engkaulah (datangnya) kesejahteraan, bertambah-tambah berkatMu

---

[1] Abu Daud 2/62, At-Tirmizi 5/515, Ibnu Majah 2/1267, Ahmad 5/360. lihat: Sahih Ibnu Majah 2/329, Sahih At-Tirmizi 3/163.

ya Allah, Tuhan Yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan"[1].

(67)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kekuasaan dan pujian dan Dia berkuasa di atas setiap sesuatu. Ya Allah, tiada yang dapat menegah sesuatu yang telah Engkau berikan dan tiada yang mampu

---

[1] Muslim 1/414.

memberi sesuatu yang telah Engkau tegahkan dan tiadalah bermanfaat orang yang mempunyai kelebihan (harta, keturunan, kekuasaan) dengan kelebihannya itu daripada kekuasaan Engkau"[1].

(68)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَشَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ، وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ

[1] Al-Bukhari 1/255, Muslim 1/414.

الْحَسَنُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan, bagiNya kepujian dan Dia berkuasa di atas setiap sesuatu. Tiada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan kami tidak menyembah kecuali kepadaNya. BagiNya segala nikmat, bagiNya segala kelebihan dan bagiNya pujian yang elok. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dalam keadaan mengikhlaskan ibadat kepadaNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir"[1].

---

[1] Muslim 1/415.

(69)

سُبْحَانَ اللّٰهِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَاللّٰهُ أَكْبَرُ.

"Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, dan Allah Maha Besar". (33 kali)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, baginya kekuasaan dan pujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu"[1].

---

[1] "Siapa yang membacanya selepas solat diampunkan dosanya walaupun sebanyak buih di laut". Sahih Muslim 1/418.

(70)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿ قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ۝٤ ﴾ [الإخلاص: 1-4]

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tidak beranak dan Dia pula tidak diperanakkan dan tidak ada seseorang pun yang serupa denganNya"[1].

---

[1] Surah Al-Ikhlas, ayat 1-4.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾ ﴾ [الفلق: 1-5]

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung dengan (Allah) Tuhan yang menguasai waktu subuh dan aku berlindung daripada kejahatan sekalian makhluk, dan daripada kejahatan malam apabila ia gelap-gelita dan daripada kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan), serta dari kejahatan orang

yang dengki apabila dia melakukan hasad dengki"[1]

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ۝١ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ۝٢ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ۝٣ مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ ۝٤ ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ۝٥ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ۝٦ ﴾ [الناس: 1-5]

"Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung dengan (Allah) Tuhan (yang memelihara dan menguasai) sekalian manusia. Yang Memerintah sekalian manusia. Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia. Dari kejahatan (bisikan)

---

[1] Surah Al-Falaq, ayat 1-5.

syaitan yang biasa bersembunyi. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam hati manusia. (Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia"[1].
Dibaca setiap kali lepas solat[2].

(71)

Ayat kursi:

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ

وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا

ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ

---

[1] Surah An-Nas, ayat 1-6.

[2] Abu Daud 2/86, An-Nasai 3/68. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/8. Tiga surah ini dikenali dengan 'Al-Mu'awwizat'. Fathul Bari 9/62.

أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴾.

"Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya, Yang Mengetahui segala yang ada di hadapan mereka dan segala yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan)

ilmu Allah melainkan perkara yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)"[1].

Dibaca setiap kali selepas solat[2].

---

[1] Surah Al-Baqarah, ayat 255.

[2] "Sesiapa yang membacanya setiap kali selepas solat tidak ada yang menahannya dari memasuki syurga kecuali kematian". An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 100, Ibnu As-Sunni No. 121. Al-Albani, Sahih Al-Jami' 5/339, Silsilah al-Ahadis as-Sahihah 2/697 No. 972.

(72)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, Baginya kekuasaan dan pujian, Dialah yang menghidupkan dan mematikan dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu".
(Dibaca sepuluh kali setiap lepas solat maghrib dan subuh)[1].

---

[1] At-Tirmizi 5/515, Ahmad 4/227. Lihat takhrijnya dalam Zadul Ma'ad 1/300.

(73)

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْماً نَافِعاً، وَرِزْقاً طَيِّباً، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً .

"Ya Allah, aku memohon daripadaMu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima".

(Dibaca selepas salam pada solat subuh)[1].

26. Doa Solat Istikharah (Memohon semoga Allah menunjukkan keputusan yang terbaik untuk dilaksanakan).

(74)

Kata Jabir bin Abdullah ﷺ: "Rasulullah ﷺ mengajar kami beristikharah dalam semua

---

[1] Ibnu Majah dan lainnya. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/152, Majma' az-Zawaid 10/111.

pekerjaan seperti baginda mengajar kami satu surah dari Al-Quran, sabdanya: “Apabila seseorang kamu mempunyai rancangan untuk melakukan sesuatu hendaklah dia melakukan solat sunat dua rakaat, kemudian bacalah doa ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ، وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ، فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلاَ أَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلاَ أَعْلَمُ، وَأَنْتَ عَلاَّمُ الْغُيُوبِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الأَمْرَ (sebutkan hajatnya…) خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي (atau baca-): عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ- فَاقْدُرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي

فِيهِ، وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي (-أو قال: عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ- فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ وَاقْدُرْ لِيَ الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ أَرْضِنِيْ بِهِ .

"Ya Allah, aku memohon petunjuk daripadaMu dengan ilmuMu dan aku memohon ketentuan daripadaMu dengan kekuasaanMu dan aku memohon daripadaMu akan limpah kurniaanMu yang besar. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa dan Engkau Maha Mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui dan engkaulah Yang Maha Mengetahui segala perkara yang ghaib. Ya Allah, seandainya Engkau mengetahui bahawasanya urusan ini (sebutkan....) adalah

baik bagiku pada agamaku, kehidupanku dan kesudahan urusanku sama ada cepat atau lambat, takdirkanlah ia bagiku dan permudahkanlah serta berkatkanlah bagiku padanya dan seandainya Engkau mengetahui bahawa urusan ini (sebutkan...) mendatangkan keburukan bagiku pada agamaku, kehidupanku dan kesudahan urusanku cepat atau lambat, maka jauhkanlah ia daripadaku dan jauhkanlah aku daripadanya dan takdirkanlah kebaikan untukku dalam sebarang keadaan sekalipun kemudian redhailah aku dengannya"[1].
(sebutkan urusan yang dimaksudkan di tempat yang bertitik).

Tidak akan menyesal sesiapa yang bertanyakan penciptanya dan berbincang dengan orang-orang mukmin kemudian

---

[1] Al-Bukhari 7/162.

berhati-hati dalam menangani persoalannya, Allah ﷻ telah berfirman:

﴿ وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ﴾.

"Dan berbincanglah dengan mereka (para sahabat) dalam urusan itu (peperangan, ekonomi, politik dll). Apabila kamu telah membulatkan tekad, bertawakkallah kepada Allah"[1].

---

[1] Surah Ali 'Imran, ayat 159.

27. Zikir pagi dan petang.

الحَمْدُ للهِ وَحْدَهُ، والصَّلاةُ والسَّلاَمُ عَلَى مَنْ لاَ نَبِيَّ بَعْدَهُ.

Segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Esa dan selawat serta salam ke atas Nabi yang tidak ada lagi nabi selepasnya[1].

---

[1] Dari Anas ﷺ: sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Kalau aku duduk bersama kaum yang menyebut nama Allah Ta'ala selepas solat subuh hingga naik matahari lebih aku suka dari memerdekakan empat orang dari keturunan Nabi Ismail dan kalau aku duduk bersama kaum yang menyebut nama Allah Ta'ala selepas solat asar hingga terbenam matahari lebih aku suka dari memerdekakan empat orang". Abu Daud No. 3667. Al-Albani, Sahih Abu Daud 2/698: Hasan.

(75)

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ.

"Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam".

Ayat kursi[1].

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا

---

[1] Surah Al-Baqarah, ayat 255.
(sila lihat terjemahannya pada doa yang ke-71). "Sesiapa yang membacanya pada waktu pagi dipelihara dari gangguan jin hingga petang dan sesiapa yang membacanya pada waktu petang dipelihara dari gangguan jin hingga pagi". Al-Hakim 1/562. Ditashih oleh Al-Albani dalam Sahih at-Targhib wa at-Tarhib 1/273, dan dirujukkan kepada An-Nasai dan at-Tabarani, katanya: Isnad at-Tabarani baik.

ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ
عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ
ٱلْعَظِيمُ ﴾.

(76)

﴿ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . . . ﴾. (3X)

﴿ قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ . . . ﴾. (3X)

﴿ قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ النَّاسِ . . . ﴾. (3X)

(Tiga kali)[1].

(77)

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ [2] وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِيْ هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا

---

[1] (sila lihat terjemahannya pada doa yang ke-70). "Sesiapa yang membacanya tiga kali pada waktu pagi dan waktu petang cukup baginya (sebagai pelindung) dari semua perkara". Abu Daud 4/322, At-Tirmizi 5/567. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/182.

[2] Pada waktu petang dibaca dengan:

أَمْسَيْنا وَأَمْسَى الْمُلْكُ لِلَّهِ.

بَعْدَهُ [1]، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِي هَذَا اليَوْمِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ، وسُوءِ الكِبَرِ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابٍ فِيْ النَّارِ وَعَذَابٍ فِيْ الْقَبْرِ.

"Kami hayati pagi kami dan pagi yang penuh Kekuasaan bagi Allah dan segala kepujian bagi Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa Yang tiada sekutu bagiNya, baginya Kekuasaan dan baginya Kepujian dan Dia berkuasa di atas setiap sesuatu. Ya Tuhanku, Aku

---

[1] Pada waktu petang dibaca dengan:

رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهَا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا.

memohon kepadaMu, kebaikan yang terdapat pada hari ini dan kebaikan yang terdapat selepasnya dan aku berlindung denganMu daripada kejahatan yang terdapat pada hari ini dan kejahatan yang berlaku selepasnya, Tuhanku aku berlindung denganMu daripada kemalasan dan terlalu tua, Tuhanku aku berlindung denganMu daripada azab neraka dan azab kubur"[1].

(78)

اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا [2]، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ النُّشُوْرُ.

---

[1] Muslim 4/2088.

[2] Pada waktu petang dibaca dengan:

اللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

"Ya Allah, denganMu kami hayati waktu pagi kami, denganMu kami hayati waktu petang kami, denganMu kami hidup, denganMu kami mati dan kepadaMu kami akan kembali"[1].

(79)

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ.

---

[1] At-Tirmizi 5/466. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/142.

"Ya Allah, engkaulah Tuhanku, tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkau telah menjadikanku dan aku adalah hambaMu dan aku di atas perintah dan perjanjianMu sekadar keupayaanku. Aku berlindung denganMu daripada segala kejahatan yang telah aku lakukan, aku mengakui nikmatMu ke atasku dan aku mengaku akan dosaku. Ampunilah dosaku, sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan segala dosa melainkan Engkau"[1].

---

[1]"Sesiapa yang membacanya dengan penuh keyakinan ketika petang kemudian dia mati pada malamnya dia akan dapat masuk syurga, demikian juga kalau dia membacanya pada waktu pagi". Al-Bukhari 7/150.

(80)

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ [1] أُشْهِدُكَ وَأُشْهِدُ حَمَلَةَ عَرْشِكَ، وَمَلاَئِكَتَكَ وَجَمِيعَ خَلْقِكَ، أَنَّكَ أَنْتَ اللّٰهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ وَحْدَكَ لاَشَرِيكَ لَكَ، وأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ .

"Ya Allah, sesungguhnya pada pagi ini aku mempersaksikan kepadaMu dan aku mempersaksikan Malaikat yang memikul arasyMu, malaikat-malaikat dan semua makhlukMu bahawa sesungguhnya Engkau adalah Tuhan kami. Tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Yang Esa tidak ada sekutu bagiMu dan

---

[1] Pada waktu petang dibaca dengan:

اللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَمْسَيْتُ.

sesungguhnya Nabi Muhammad adalah hamba dan rasulMu".
(empat kali) .[1]

(81)

اللّٰهُمَّ مَا أَصْبَحَ بِيْ [2] مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحْدَكَ لاَشَرِيكَ لَكَ، فَلَكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ.

---

[1] "Sesiapa yang membacanya pada waktu pagi atau petang empat kali Allah SWT akan memerdekakannya dari api neraka". Abu Daud 4/317, Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad No. 1201, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 9, Ibnu As-Sunni No. 70, kata Ibnu Baz: Sanad An-Nasai dan Abu Daud Hasan, Tuhfatul Akhyar 23.

[2] Pada waktu petang dibaca dengan:

اللّٰهُمَّ مَا أَمْسَى بِيْ...

"Ya Allah, segala nikmat yang aku perolehi pada pagi ini atau segala yang diperolehi oleh setiap sesuatu daripada makhlukMu pada pagi ini adalah daripadaMu Yang Esa, tidak ada sekutu bagiMu, maka untukMulah segala pujian dan untukMulah segala kesyukuran"[1].

(82)

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدَنِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي، لاَ إِلَهَ إِلاَّ

[1] "Sesiapa yang membacanya pada waktu pagi maka dia telah bersyukur pada hari itu dan siapa yang membacanya pada waktu petang maka dia telah bersyukur pada malam itu". Abu Daud 4/318, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 7, Ibnu As-Sunni No. 41, Ibnu Hibban 'Mawarid' No. 2361, Ibnu Baz: Hasan, Tuhfatul Akhyar 24.

أَنْتَ . اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ، وَالْفَقْرِ، وأَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ القَبْرِ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ.

"Ya Allah, kurniakanlah kesihatan pada badanku, Ya Allah, kurniakanlah kesihatan pada pendengaranku, Ya Allah, kurniakanlah kesihatan pada penglihatanku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau.Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada kekufuran dan kefakiran, Ya Allah aku berlindung denganMu daripada azab kubur, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau". (tiga kali)[1].

---

[1] Abu Daud 4/324, Ahmad 5/42, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 22, Ibnu As-Sunni No. 69, Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad, Ibnu Baz: Hasan, Tuhfatul Akhyar 26.

(83)

حَسْبِيَ اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

"Cukuplah Allah (sebagai pelindung) bagiku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, kepadanyalah aku bertawakkal dan dialah Tuhan yang menguasai Arasy yang agung".
(tujuh kali)[1].

---

[1] "Sesiapa yang membacanya pada pada waktu pagi dan petang sebanyak tujuh kali, Allah SWT mencukupkannya apa yang diperlukan dirinya daripada pekerjaan dunia dan akhirat". Ibnu As-Sunni No. 71 marfu', Abu Daud 4/321 mauquf. Telah mentashih sanadnya oleh Shu'aib Al-Arnauut. Lihat: Zadul Ma'aad 2/376.

(84)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ: فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي، وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ، وَمِنْ خَلْفِي، وَعَنْ يَمِينِي، وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوْذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.

"Ya Allah, aku memohon kepadaMu keampunan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat, Ya Allah, aku memohon kepadaMu keampunan dan kesejahteraan pada agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah,

tutupkanlah keaibanku dan amankanlah diriku daripada rasa takut. Ya Allah, peliharalah diriku dari hadapan dan belakangku, dari kanan dan kiriku serta dari atasku dan aku berlindung dengan keagunganMu daripada diceroboh di sebelah bawahku"[1].

(85)

اللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي،

---

[1] Abu Daud, Ibnu Majah. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/332.

وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِي سُوءاً أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ .

"Ya Allah, Tuhan yang mengetahui perkara ghaib dan nyata, Pencipta langit dan bumi, Tuhan setiap sesuatu dan Pemiliknya, aku mengaku bahawa Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, aku berlindung denganMu daripada kejahatan diriku dan kejahatan syaitan dan sekutunya dan aku berlindung daripada berusaha untuk melakukan kejahatan terhadap diriku atau aku mendorong orang Islam melakukannya"[1].

---

[1] At-Tirmizi, Abu Daud. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/142.

(86)

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

"Dengan Nama Allah yang tidak memberi mudharat bersama namaNya oleh sesuatu di bumi dan tidak juga di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui". (tiga kali)[1].

(87)

رَضِيتُ بِاللَّهِ رباً، وَبِالإِسْلامِ دِيناً، وَبِمُحَمَّدٍ ﷺ نَبِيًّا.

---

[1] "Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan petang maka tidak ada sesuatu pun yang boleh memudharatkannya". Abu Daud 4/323, At-Tirmizi 5/465, Ibnu Majah dan Ahmad. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/332, Tuhfatul Akhyar 39.

"Aku redha Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad ﷺ sebagai Nabi". (Tiga kali)[1].

(88)

يَاحَيُّ يَاقَيُّومُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ وَلاَ تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ.

"Wahai tuhan yang Tetap Hidup, Yang Kekal memerintah selama-lamanya, dengan rahmatMu aku memohon pertolongan. Perelokkanlah bagiku segala urusanku dan janganlah Engkau biarkankan nasibku

---

[1] "Sesiapa yang membacanya tiga kali pada waktu pagi dan petang dia akan mendapat keredhaan Allah pada hari kiamat". Ahmad 4/337, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 4, Ibnu As-Sunni No. 68, Abu Daud 4/318, At-Tirmizi 5/465, Ibnu Baz: Hasan, Tuhfatul Akhyar 39.

ditentukan oleh diriku sendiri walaupun sekadar sekelip mata"[1].

(89)

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِينَ [2]، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ، فَتْحَهُ، وَنَصْرَهُ، وَنُورَهُ، وَبَرَكَتَهُ، وَهُدَاهُ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيهِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ.

---

[1] Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/545. Lihat: Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 1/273.

[2] Pada waktu petang dibaca dengan:

أَمْسَيْنَا وَأَمْسَى الْمُلْكُ لِلَّهِ رَبِّ العَالَمِينَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ اللَّيْلَةِ، فَتْحَهَا، وَنَصْرَهَا، وَنُورَهَا وَبَرَكَتَهَا، وَهُدَاهَا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا.

"Kami hayati pagi kami dan pagi yang penuh Kekuasaan bagi Allah tuhan sekalian alam. Ya Allah, aku memohon kepadaMu kebaikan hari ini, pembukaaannya, pertolongannya, cahayanya, berkatnya dan petunjuknya. Aku berlindung denganMu daripada kejahatan hari ini dan yang selepasnya"[1].

(90)

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الإِسْلامِ، وَعَلَى كَلِمَةِ الإِخْلاصِ، وَعَلَى دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ﷺ ، وَعَلَى مِلَّةِ أَبِينَا إِبْرَاهِيمَ، حَنِيفاً مُسْلِماً وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

---

[1] Abu Daud 4/322, Kata Al-Arnauut: Sanadnya Hasan. Lihat: Tahqiq Zadul Ma'aad 2/273.

"Kami hayati pagi ini di atas landasan fitrah Islam, di atas kalimah ikhlas dan di atas agama Nabi kami Muhammad ﷺ yang juga agama bapa kami Nabi Ibrahim yang lurus lagi tunduk kepada Allah dan baginda bukanlah seorang yang musyrik"[1].

(91)

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَبِحَمْدِهِ.

"Maha Suci Allah dan segala pujian bagiNya". (100 Kali)[2].

---

[1] Ahmad 3/406,407, Ibnu As-Sunni dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 34. Lihat: Sahih Al-Jami' 4/209.

[2] "Sesiapa yang membacanya sebanyak 100 kali pada waktu pagi dan petang tidak ada seorang pun pada hari kiamat lebih baik daripada amalannya kecuali mereka yang beramal sepertinya atau lebih daripadanya". Muslim 4/2071.

(92)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kekuasaan dan bagiNya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu". (100 kali)[1].

Atau (sekali sahaja ketika penat)[2].

---

[1] An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 24. Lihat: Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 1/272, Tuhfatul Akhyar 44. Lihat kelebihannya pada bacaan No. 255.

[2] Abu Daud 4/319, Ibnu Majah, Ahmad 4/60. Lihat: Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 1/270, Sahih Abu Daud 3/957, Sahih Ibnu Majah 2/331, Zadul Ma'aad 2/377.

(93)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ، وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu baginya, baginya kekuasaan dan baginya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu".

(100 kali pada waktu pagi)[1].

---

[1] "Sesiapa yang membacanya sebanyak 100 kali sehari Allah Ta'ala mengurniakan pahala kepadanya seperti memerdekakan sepuluh orang hamba, dituliskan baginya 100 darjat dan dihapuskan darinya 100 kesalahan dan dia terpelihara daripada syaitan hingga petang. Dan tidak ada seorang pun yang lebih baik amalannya kecuali mereka yang beramal lebih daripadanya". Al-Bukhari 4/95, Muslim 4/2071.

(94)

سُبْحَانَ اللّٰهِ وبِحَمْدِهِ: عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

"Maha Suci Allah dan aku memujiNya sebanyak makluk ciptaanNya, keredhaan diriNya, seberat timbangan ArasyNya dan sebanyak tinta KalimahNya". (tiga kali pada waktu pagi)[1].

(95)

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْماً نَافِعاً، وَرِزْقاً طَيِّباً، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً.

---

[1] Muslim 4/2090.

"Ya Allah, aku memohon daripadaMu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima". (waktu pagi)[1].

(96)

أَسْتَغْفِرُ اللهَ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ.

"Aku memohon keampunan daripada Allah dan aku bertaubat kepadanya". (100 kali sehari)[2].

(97)

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

---

[1] Ibnu As-Sunni dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 54, Ibnu Majah No. 925, Kata Arnauut: Sanadnya Hasan, Tahqiq Zadul Ma'aad 2/375.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/101, Muslim 4/2075.

"Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kejahatan makhluk yang jahat". (tiga kali pada waktu petang)[1].

(98)

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ.

"Ya Allah, kurniakanlah selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad". (10 kali)[2].

---

[1] "Sesiapa yang membacanya pada waktu petang, dia tidak akan terkena gigitan kala jengking pada waktu malamnya". Ahmad 2/290, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 590, Ibnu As-Sunni No. 68. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/187, Sahih Ibnu Majah 2/266, Tuhfatul Akhyar 45.

[2] "Sesiapa yang berselawat ke atasku pada waktu pagi 10 kali dan waktu petang 10 kali, dia akan mendapat syafaatku pada hari kiamat". At-Tabarani melalui dua sanad, salah satunya baik. Lihat: Majma' Az-Zawaid 10/120, Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 1/273.

28. Bacaan sebelum dan selepas tidur.

(99)

"Apabila Rasululllah ﷺ hendak tidur di tempat tidurnya pada waktu malam, baginda menyatukan kedua-dua tapak tangannya dan meniup kedua-duanya lalu membaca:

﴿ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ . . . ﴾.

﴿ قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ . . . ﴾

﴿ قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ النَّاسِ . . ﴾

Kemudian, baginda menyapu dengan kedua-duanya bahagian tubuh yang mampu dicapai oleh baginda. Baginda memulakannya dari kepala, kemudian muka dan seterusnya

bahagian hadapan tubuh. Baginda melakukannya sebanyak tiga kali"[1].

(100)
Ayat kursi[2].

﴿ ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 9/62, Muslim 4/1723.

[2] "Sesiapa yang membacanya ketika hendak tidur, dia akan dipelihara oleh Allah dan syaitan tidak menghampirinya sehingga waktu pagi". Al-Bukhari serta Fathul Bari 4/487.

عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴾[1].

(101)

﴿ ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِۦ ۚ وَقَالُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا

---

[1] Surah Al-Baqarah, ayat 255. (Lihat terjemahannya pada doa ke-71).

يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴾.

"Rasulullah telah beriman dengan segala yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya. Demikian juga orang-orang yang beriman; Semuanya beriman kepada Allah, Para MalaikatNya, Kitab-kitabNya dan

Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): Kami tidak membezakan di antara seorang rasul dengan Rasul-rasul yang lain. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat. (Kami memohon) keampunanMu wahai Tuhan kami dan kepadaMu jualah tempat kembali.

Allah tidak memberatkan seseorang melainkan dengan sesuatu yang terdaya dilakukan olehnya. Dia mendapat pahala daripada kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa dari kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami bersalah jika kami terlupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat seperti yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami

sesuatu yang kami tidak terdaya memikulnya dan maafkanlah kesalahan kami serta ampunkanlah dosa kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami. Oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan ke atas kaum-kaum yang kafir"[1].

(102)

بِاسْمِكَ رَبِّي وَضَعْتُ جَنْبِي، وَبِكَ أَرْفَعُهُ، فَإِنْ أَمْسَكْتَ نَفْسِي فَارْحَمْهَا، وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا فَاحْفَظْهَا، بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ.

"Dengan namaMu wahai Tuhanku aku letakkan lambungku dan dengan namaMu

---

[1] Surah Al-Baqarah, ayat 285-286. "Sesiapa yang membaca dua ayat ini pada waktu malam cukuplah ia sebagai pelindung". Al-Bukhari serta Fathul Bari 9/94, Muslim 1/554.

aku mengangkatnya. Sekiranya Engkau memegang rohku (mati) maka ampunilah ia, sekiranya Engkau lepaskan ia maka peliharalah ia sebagaimana Engkau menjaga hamba-hamba Engkau yang Soleh"[1].

(103)

اللَّهُمَّ إِنَّكَ خَلَقْتَ نَفْسِي وَأَنْتَ تَوَفَّاهَا، لَكَ مَمَاتُهَا وَمَحْيَاهَا، إِنْ أَحْيَيْتَهَا فَاحْفَظْهَا، وَإِنْ أَمَتَّهَا فَاغْفِرْ لَهَا. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ.

---

[1] "Apabila bangun seseorang kamu dari tempat tidurnya, kemudian dia kembali semula kepadanya, maka hendaklah dikibaskan dengan hujung kainnya sebanyak tiga kali dan sebutlah nama Allah "Bismillah" kerana dia tidak mengetahui sesuatu yang datang kepadanya selepas ditinggalkannya dan apabila hendak baring, bacalah doa ini". Al-Bukhari 11/126, Muslim 4/2084.

“Ya Allah, Engkau telah menciptakan diriku dan Engkau mematikannya (menidurkannya), bagiMu kematian dan kehidupannya, sekiranya engkau menghidupkannya peliharalah ia, sekiranya engkau mematikannya ampunilah ia. Ya Allah, Sesungguhnya aku memohon daripadaMu kesejahteraan”[1].

(104)

اللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.

“Ya Allah peliharalah aku daripada azabMu pada hari Engkau bangkitkan hamba-hamba Mu”. (Tiga Kali)[2].

---

[1] Muslim 4/2083, Ahmad 2/79 dengan lafaznya.

[2] Abu Daud 4/311 dengan lafaznya. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/143. “Apabila Rasulullah ﷺ hendak tidur baginda meletakkan tangan kanan di bawah pipinya, kemudian membaca doa ini”.

(105)

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا.

"Ya Allah dengan namaMu aku mati (tidur) dan dengan namaMu aku hidup (jaga)"[1]

(106)

سُبْحَانَ اللهِ "Maha Suci Allah" (33 kali),

الْحَمْدُ لِلَّهِ "Segala puji bagi Allah" (33 kali)

dan اللهُ أَكْبَرُ "Allah Maha Besar" (34 kali)[2].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/113, Muslim 4/2083.

[2] "Sesiapa yang membacanya sewaktu hendak tidur adalah lebih baik baginya daripada mendapat seorang khadam". Al-Bukhari serta Fathul Bari 7/71, Muslim 4/2091.

(107)

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَرَبَّ الأَرْضِ، وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ، فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى، وَمُنْزِلَ التَّوْرَاةِ وَالإِنْجِيلِ، وَالْفُرْقَانِ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الآخِرُ فَلَيْس بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ، اِقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ وَأَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ.

"Ya Allah, Tuhan tujuh lapis langit dan bumi, Tuhan Arasy yang agung, Tuhan kami dan Tuhan setiap sesuatu, Yang membelah (menumbuhkan) biji (tumbuh-tumbuhan) dan butir (buah-buahan) Yang menurunkan Taurat, Injil dan Furqan (Al-Quran), aku berlindung denganMu daripada kejahatan setiap sesuatu, Engkau Yang Berkuasa ke atasnya. Ya Allah, Engkau Yang Awal tiada sebelumMu sesuatu, Engkau Yang Terakhir tiada selepasMu sesuatu. Engkaulah Yang Zahir dan tiada di atasMu sesuatu, Engkaulah Yang Batin dan tiada sesuatu di bawahMu, jelaskanlah daripada kami hutang kami dan berikanlah kami kekayaan agar kami bebas daripada kefakiran"[1].

---

[1] Muslim 4/2084.

(108)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا، وَكَفَانَا، وَآوَانَا، فَكَمْ مِمَّنْ لاَ كَافِيَ لَهُ وَلاَ مُؤْوِيَ.

"Segala puji bagi Allah yang memberi makan dan memberi minum kepada kami dan mencukupkan kami serta memberi tempat berteduh kepada kami. Alangkah ramainya orang yang tidak ada yang mencukupkannya dan memberi tempat ia berteduh"[1].

(109)

اللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ، أَشْهَدُ أَنْ

---

[1] Muslim 4/2085.

لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِي سُوءاً، أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ.

"Ya Allah, Engkau mengetahui yang ghaib dan nyata, Pencipta langit dan bumi, Tuhan setiap sesuatu dan memilikinya, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, aku berlindung denganMu daripada kejahatan diriku dan kejahatan syaitan dan sekutunya dan aku berlindung daripada berusaha untuk melakukan kejahatan terhadap diriku atau aku mendorong orang Islam melakukannya"[1].

---

[1] Abu Daud 4/317. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/142.

(110)

"Membaca surah '**As-Sajdah**' dan Surah '**Al-Mulk**'"[1].

(111)

اللَّهُمَّ أَسْلَمْتُ نَفْسِي إِلَيْكَ، وَفَوَّضْتُ أَمرِي إِلَيْكَ، وَوَجَّهْتُ وَجْهِي إِلَيْكَ، وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي إِلَيْكَ، رَغْبَةً وَرَهْبَةً إِلَيْكَ، لاَ مَلْجَأَ وَلاَ مَنْجَا مِنْكَ إِلاَّ إِلَيْكَ، آمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِي أَنْزَلْتَ وَبِنَبِيِّكَ الَّذِي أَرْسَلْتَ.

---

[1] At-Tirmizi, An-Nasai. Lihat: Sahih Al-Jami' 4/255.

"Ya Allah, aku serahkan diriku kepadaMu dan aku serahkan urusanku kepadaMu dan aku hadapkan mukaku kepadaMu dan aku sandarkan belakangku ini kepada (kekuasaan) Engkau, dengan keinginanku dan ketakutanku kepadaMu, tiada tempat pergantungan dan tiada tempat untuk menyelamatkan diri daripadaMu kecuali kepadaMu, aku beriman dengan kitabMu yang Engkau turunkan dan aku beriman dengan NabiMu yang Engkau utuskan"[1].

---

[1] "Apabila kamu hendak tidur, berwudhu'lah seperti wudhu' untuk solat. Kemudian baringlah di atas lambung sebelah kanan dan bacalah doa ini, sekiranya engkau mati, kematianmu di atas fitrah".
Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/113, Muslim 4/2081.

29. Doa apabila membalikkan diri pada waktu malam ketika tidur.

(112)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ، رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Kuasa, Tuhan langit dan bumi serta segala yang berada di antara keduanya, Yang Maha Kuasa lagi Maha Pengampun"[1].

---

[1] "Bacaan ini dibaca ketika membalikkan diri pada waktu malam". Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/540, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah dan Ibnu As-Sunni. Lihat: Sahih Al-Jami' 4/213.

30. Doa apabila terganggu dan terkejut ketika tidur atau rasa kesepian.

(113)

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ، وَشَرِّ عِبَادِهِ، وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُوْنِ.

"Aku memohon perlindungan dengan Kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kemurkaanNya dan azabNya, daripada kejahatan hambaNya dan daripada hasutan syaitan-syaitan dan daripada syaitan mendekatiku"[1].

---

[1] Abu Daud 4/12. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/171.

31. Perkara yang perlu dilakukan apabila bermimpi sesuatu yang menakutkan.

(114)

1. Ludah ke sebelah kiri (3 kali)[1].
2. Minta perlindungan dengan Allah daripada syaitan dan daripada perkara buruk yang telah dilihatnya. (3 kali)[2].
3. Jangan menceritakan mimpinya kepada seseorang pun[3].
4. Menukarkan posisi tidurnya[4].

(115)

5. Bangun untuk melakukan solat jika ingin melakukannya[5].

---

[1] Muslim 4/1772.
[2] Muslim 4/1772-1773.
[3] Muslim 4/1772.
[4] Muslim 4/1773.
[5] Muslim 4/1773.

32. Doa qunut solat witir.

(116)

اَللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، إِنَّهُ لاَ يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، [وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ]، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

"Wahai Tuhanku, tunjukilah aku bersama mereka yang telah Engkau tunjukkan dan sihatkanlah aku bersama mereka yang telah Engkau sihatkan dan uruskanlah aku bersama orang yang telah Engkau uruskan dan berkatilah aku pada nikmat yang telah

Engkau kurniakan dan hindarilahlah aku daripada sebarang kejahatan yang telah Engkau tetapkan, maka sesungguhnya Engkaulah penghukum dan tidaklah dihukumkan ke atas Engkau. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau telah muliakan dan tidak akan mulia orang yang telah Engkau hinakan. Maha Berkat Engkau, wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi"[1].

(117)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ،

---

[1] Sunan yang 4, Ahmad, Ad-Darimi, Al-Hakim, di antara dua kurungan riwayat Al-Baihaqi. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/144, Sahih Ibnu Majah 1/194, Irwa' al-Ghalil 2/172.

لاَ أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.

"Ya Allah, aku berlindung dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu dan aku berlindung dengan kemaafanMu daripada azab siksaanMu dan aku berlindung denganMu daripada kemurkaanMu, aku tidak dapat memujiMu seperti Engkau memuji diriMu"[1].

(118)

اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ، وَلَكَ نُصَلِّي وَنَسْجُدُ، وَإِلَيْكَ نَسْعَى وَنَحْفِدُ، نَرْجُو رَحْمَتَكَ،

---

[1] Sunan yang 4, Ahmad. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/180, Sahih Ibnu Majah 1/194, Irwa' al-Ghalil 2/175.

وَنَخْشَى عَذَابَكَ، إِنَّ عَذَابَكَ بِالْكَافِرِينَ مُلْحَقٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ، وَنُثْنِي عَلَيْكَ الْخَيْرَ، وَلاَ نَكْفُرُكَ، وَنُؤْمِنُ بِكَ، وَنَخْضَعُ لَكَ، وَنَخْلَعُ مَنْ يَكْفُرُكَ .

"Ya Allah, hanya Engkaulah sahaja yang kami sembah dan kepadaMu kami solat dan kami sujud. Kepada Engkau kami beramal dan segera berbakti. Kami mengharapkan limpah rahmatMu dan kami gerun akan azab seksaMu. Sesungguhnya azab siksaMu hanyalah ditimpakan ke atas orang-orang kafir. Ya Allah, kami memohon pertolonganMu, kami memohon keampunanMu dan kami memujiMu dengan kebaikan, kami tidak akan kufur kepadaMu, kami beriman kepadaMu, kami tunduk

kepadaMu dan kami berlepas diri daripada orang yang kufur kepadaMu"[1].

33. Bacaan selepas solat witir.

(119)

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ.

"Maha Suci Tuhan lagi Maha Suci".
(dibaca sebanyak tiga kali dan bacaan kali yang ketiga dibaca dengan suara yang nyaring dan dipanjangkan suara:

[رَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ]

---

[1] Al-Baihaqi dalam As-Sunan al-Kubra dengan mentashihkan sanadnya 2/211, kata Al-Albani dalam Irwa' al-Ghalil 2/170: Sanad ini sahih dan ianya dari kata-kata Umar ﷺ.

"Tuhan Malaikat dan Roh"[1].

34. Doa ketika dukacita dan sedih.

(120)

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ، ابْنُ عَبْدِكَ، ابْنُ أَمَتِكَ، نَاصِيَتِي بِيَدِكَ، مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ، عَدْلٌ فِيَّ قَضَاؤُكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ، سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، أَوْ عَلَّمْتَهُ

---

[1] An-Nasai 3/244, Ad-Daruqutni dan lainnya. Dalam kurungan tambahan dari Ad-Daruqutni 2/31 dan sanadnya sahih. Lihat: Zadul Ma'aad tahqiq Al-Arnauut 1/337.

أَحَداً مِنْ خَلْقِكَ، أَوِ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي، وَنُورَ صَدْرِي، وَجَلاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّي.

"Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak kepada hambaMu, anak kepada hamba perempuanMu, ubun-ubunku di tanganMu, terlaksana ke atasku hukumanMu dan adil kehakimanMu terhadapku, aku memohon kepadaMu dengan setiap nama yang Engkau telah namakan dengannya diriMu, atau Engkau turunkan di dalam kitabMu, atau Engkau telah mengajarnya kepada seseorang daripada makhlukMu atau yang tersembunyi pada ilmu ghaib di sisiMu, jadikanlah Al-Quran penenang hatiku, cahaya di dadaku,

penghapus kedukaanku dan penghilang kesusahanku"[1]

(121)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْجُبْنِ، وَضَلَعِ الدَّيْنِ وَغَلَبَةِ الرِّجَالِ .

"Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada ditimpa kesusahan dan kedukaan, daripada kelemahan dan kemalasan, daripada kedekut dan perasaaan takut dan daripada desakan berhutang dan paksaan orang"[2].

---

[1] Ahmad 1/391, Al-Albani mentashihnya.

[2] Al-Bukhari 7/158. "Rasulullah ﷺ banyak berdoa dengan doa ini". Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/173.

35. Doa ketika di timpa bencana

(122)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَرَبُّ الأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمُ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Yang Maha Agung lagi Maha Lemah Lembut. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan Arasy yang agung, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan langit dan bumi dan Tuhan Arasy yang mulia"[1].

---

[1] Al-Bukhari 7/154, Muslim 4/2092.

(123)

اللَّهُمَّ رَحْمَتَكَ أَرْجُو فَلا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ.

"Ya Allah, demi rahmatMu aku memohon maka janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku walaupun sekelip mata dan perelokkanlah urusanku keseluruhannya, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau"[1].

---

[1] Abu Daud 4/324, Ahmad 5/42, Sahih Abu Daud 3/959.

(124)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku telah tergolong daripada orang-orang yang zalim"[1].

(125)

اللَّهُ اللَّهُ رَبِّي لاَ أُشْرِكُ بِهِ شَيْئاً.

"Allah, Allah Tuhanku, tidak akan aku sekutukanNya dengan sesuatu"[2].

---

[1] At-Tirmizi 5/529, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/505. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/168.

[2] Abu Daud 2/87. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/335.

36. Doa ketika berhadapan dengan musuh.

(126)

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِهِمْ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ.

"Ya Allah, sesungguhnya kami jadikan Engkau sebagai penghapus mereka dan kami berlindung denganMu daripada kejahatan mereka"[1].

(127)

اللَّهُمَّ أَنْتَ عَضُدِي، وَأَنْتَ نَصِيرِي، بِكَ أَحُولُ وَبِكَ أَصُولُ وَبِكَ أُقَاتِلُ .

---

[1] Abu Daud 2/89, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 2/142.

"Ya Allah, engkaulah Pembantuku dan Engkaulah Penolongku dan dengan pertolongan Engkaulah aku berperang"[1].

(128)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ .

"Cukuplah bagi kami pertolongan Allah dan Allahlah sebaik-baik penolong"[2].

37. Doa ketika takutkan kezaliman pemerintah.

(129)

اَللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ، وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، كُنْ لِي جَاراً مِنْ فُلاَنِ بنِ فُلاَنٍ،

---

[1] Abu Daud 3/42, At-Tirmizi 5/572. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/172.

[2] Al-Bukhari 5/172.

وَأَحْزَابِهِ مِنْ خَلاَئِقِكَ، أَنْ يَفْرُطَ عَلَيَّ أَحَدٌ مِنْهُمْ أَوْ يَطْغَى، عَزَّ جَارُكَ، وَجَلَّ ثَنَاؤُكَ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ .

"Ya Allah, Tuhan tujuh lapis langit dan Tuhan Arasy yang agung, jadilah pelindungku daripada Fulan bin Fulan...(sebutkan nama), dan kuncu-kuncunya daripada makhlukMu yang mahu bertindak jahat atau ganas ke atasku. Sangat mulia perlindunganMu dan sangat tinggi pujianMu, Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau"[1].

---

[1] Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad No. 707, Al-Albani mentashihnya dalam Sahih Al-Adab al-Mufrad No. 545.

(130)

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَعَزُّ مِنْ خَلْقِه جَمِيعاً، اللهُ أَعَزُّ مِمَّا أَخَافُ وَأَحْذَرُ، أَعُوذُ بِاللهِ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ، الْمُمْسِك السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ أَنْ يَقَعْنَ عَلَى الأَرْضِ إِلاَّ بِإِذْنِه، مِنْ شَرِّ عَبْدِكَ فُلاَنٍ، وَجُنُودِه وَأَتْبَاعِه وَأَشْيَاعِه، مِنَ الْجِنِّ وَالإِنْسِ . اللهُمَّ كُنْ لِي جَاراً مِنْ شَرِّهِمْ، جَلَّ ثَنَاؤُكَ وَعَزَّ جَارُكَ، وَتَبَارَكَ اسْمُكَ، وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ .

"Allah Maha Besar, Allah Sangat Mulia daripada semua makhluknya. Allah Sangat Mulia daripada semua yang aku takut dan berhati-hati terhadapnya, aku berlindung dengan Allah Yang

Tiada Tuhan yang berhak disembah selain daripadaNya, yang memegang tujuh lapis langit daripada terjatuh menimpa bumi kecuali dengan izinNya, daripada kejahatan fulan bin fulan (sebutkan nama) dan pengikut serta kuncu-kuncunya daripada kalangan jin dan manusia. Ya Allah, peliharalah aku daripada kejahatan mereka. Sangat tinggi pujianMu dan sangat mulia pemeliharaanMu , Maha Berkat namaMu, Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau". (tiga kali)[1].

---

[1] Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad No. 708, Al-Albani mentashihnya dalam Sahih Al-Adab al-Mufrad No. 546.

38. Doa ke atas musuh.

(131)

اَللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ، سَرِيْعَ الْحِسَابِ، اهْزِمِ الأَحْزَابَ، اَللَّهُمَّ اهْزِمْهُمْ وَزَلْزِلْهُمْ .

"Wahai Tuhan yang menurunkan kitab, yang pantas perhitungannya, kalahkanlah kumpulan kafir. Ya Allah, kalahkanlah mereka dan goncangkanlah kedudukan mereka"[1].

39. Doa apabila takutkan musuh.

(132)

اَللَّهُمَّ اكْفِنِيْهِمْ بِمَا شِئْتَ .

---

[1] Muslim 3/1362.

"Ya Allah, lindungilah aku daripada kejahatan mereka dengan sesuatu yang Engkau kehendaki"[1].

40. Doa bagi mereka yang was-was dalam beriman.

(133)

- Hendaklah memohon perlindungan dengan Allah[2].
- Berhenti daripada memikirkan perkara yang meragukan[3].

(134)

- Baca:

آمَنْتُ بِاللّٰهِ وَرُسُلِهِ.

---

[1] Muslim 4/2300.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/336, Muslim 1/120.
[3] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/336, Muslim 1/120.

"Aku beriman dengan Allah dan Rasul-RasulNya"[1].

(135)

Baca ayat:

﴿ هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْءَاخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ۝٣ ﴾

"Dialah yang awal dan Dialah yang akhir. Dialah yang zahir dan Dialah yang batin, Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu"[2].

---

[1] Muslim 1/119-120.

[2] Surah Al-Hadid, ayat 3. Abu Daud 4/329. Lihat: Sahih Abu Daud 3/962: Hasan.

41. Doa supaya dapat membayar hutang.

(136)

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ .

"Ya Allah, cukupkanlah aku dengan segala perkara yang telah Engkau halalkan daripada segala perkara yang telah Engkau haramkan. Kayakanlah aku dengan kelebihan Engkau daripada meminta kepada orang lain"[1].

[1] At-Tirmizi 5/560. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/180.

(137)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْجُبْنِ، وَضَلَعِ الدَّيْنِ وَغَلَبَةِ الرِّجَالِ.

"Ya Allah, aku berlindung denganMu dari ditimpa kesusahan dan kedukaan, dari kelemahan dan kemalasan, dari kedekut dan perasaaan takut dan dari desakan hutang dan paksaan orang"[1].

---

[1] Al-Bukhari 7/158.

42. Doa menghilangkan was-was dalam solat atau ketika membaca Al-Quran.

(138)

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

"Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam".
dan ludah ke sebelah kiri tiga kali[1].

---

[1] Muslim 4/1729, dari hadis Usman bin Abi Al-Ass ﷺ, katanya: Setelah aku lakukannya Allah telah menghilangnya dariku.

43. Doa untuk memudahkan sebarang urusan.

(139)

اللَّهُمَّ لاَ سَهْلَ إِلاَّ مَا جَعَلْتَهُ سَهْلاً وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلاً.

"Ya Allah, tidak ada kemudahan kecuali sesuatu yang Engkau permudahkan, Engkau menjadikan kedukaan itu mudah sekiranya Engkau kehendaki"[1].

---

[1] Sahih Ibnu Hibban No. 2427 (Mawarid), Ibnu As-Sunni No. 351. Kata Al-Hafiz Ibnu Hajar: Hadis ini Sahih, disokong oleh Al-Arnauut dalam takhrij Al-Azkar An-Nawawi 106.

44. Apa yang perlu diucap dan dilakukan apabila berdosa.

(140)

"Setiap orang yang melakukan dosa hendaklah berwudhu' dengan sempurna. Kemudian mengerjakan solat (taubat) dua rakaat. Kemudian, memohon keampunan (beristighfar) daripada Allah, nescaya Allah akan mengampunkan dosanya"[1].

45. Doa untuk mengusir syaitan dan gangguannya.

(141)

Memohon perlindungan dengan Allah dari gangguan syaitan[2].

---

[1] Abu Daud 2/86, At-Tirmizi 2/257. Sahih Abu Daud 1/283: Sahih.

[2] Abu Daud 1/206. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/77, Surah al-Mukminun ayat 98-99.

(142)
Melaungkan azan[1].

(143)
Membaca zikir dari hadis-hadis Nabi ﷺ dan membaca Al-Quran[2].

---

[1] Al-Bukhari 1/151, Muslim 1/291.

[2] "Jangan jadikan rumah-rumah kamu seperti kubur. Sesungguhnya syaitan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah". Sahih Muslim 1/539. Di antara amalan yang boleh menghalau syaitan ialah membaca zikir waktu pagi dan petang, waktu tidur dan bangun, waktu masuk dan keluar dari rumah, waktu masuk dan keluar masjid dan lain-lainnya dari zikir yang diajar oleh Rasulullah ﷺ seperti membaca ayat kursi sewaktu hendak tidur, dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah dan sesiapa yang membaca (zikir no. 93) 100 kali akan dipelihara daripada syaitan pada hari tersebut. Demikian juga laungan azan.

46. Doa ketika ditimpa sesuatu yang tidak disukai.

(144)

قَدَرُ اللهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ.

"Allah sudah mentakdirkan (menentukan) sesuatu yang dikehendakinya'[1].

---

[1] "Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah dari mukmin yang lemah. Kedua-duanya baik. Bersungguhlah melakukan perkara yang bermanafaat kepadamu. Minta tolonglah kepada Allah dan jangan lemah. Apabila kamu ditimpa sesuatu kesusahan, jangan berkata: 'Seandainya aku berbuat begini..dan begitu..' tapi berkatalah: 'Allah sudah mentakdirkan (menentukan) sesuatu yang dikehendakinya'. Sesungguhnya perkataan 'Kalau / seandainya' membuka pintu bagi gangguan syaitan". Muslim 4/2052.

47. Ucapan tahniah kepada mereka yang mendapat anak dan jawapannya.

(145)

بَارَكَ اللهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ، وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ، وَبَلَغَ أَشُدَّهُ، وَرُزِقْتَ بِرَّهُ .

"Semoga Allah memberkati engkau dengan kelahiran anak ini dan engkau pula mensyukuri Pemberinya, semoga dia dipelihara hingga dewasa dan engkau mendapat layanan yang baik daripada anak ini".

Jawapan daripada bapa / penjaga kepada orang yang menyampaikan tahniah:

بَارَكَ اللهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَزَاكَ اللهُ خَيْراً، وَرَزَقَكَ اللهُ مِثْلَهُ، وَأَجْزَلَ ثَوَابَكَ .

"Semoga Allah melimpahkan berkatNya ke atas engkau, membalasnya dengan balasan yang baik, merezekikan engkau seumpamanya serta memperbanyakkan pahala engkau"[1].

48. Doa perlindungan untuk anak-anak.

(146)

"Rasulullah ﷺ telah berdoa untuk perlindungan Hasan dan Husain (cucunya) dengan membaca:

---

[1] Lihat: Al-Azkar An-Nawawi 349, Sahih Al-Azkar An-Nawawi, Salim Al-Hilali 2/713.

أُعِيذُكُمَا بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لاَمَّةٍ .

"Aku minta perlindungan bagi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap syaitan, binatang yang berbisa dan bencana ain (pandangan mata yang menimpakan penyakit)"[1].

49. Doa ketika menziarahi orang sakit.

(147)

لاَ بَأْسَ طَهُورٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

"Tidak mengapa, semoga penyakit ini membersihkan dosamu, insya'Allah"[2].

---

[1] Al-Bukhari 4/119 dari hadis Ibnu Abbas ﷺ.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 10/118.

(148)

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيَكَ.

"Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan Arasy yang agung, supaya menyembuhkan engkau". (Tujuh Kali)[1].

50. Kelebihan ziarah orang sakit.

(149)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Apabila seorang lelaki mengunjungi saudara

---

[1] "Tiada seorang muslim yang menziarahi orang sakit yang belum sampai ajalnya, kemudian membaca doa ini tujuh kali nescaya disembuhkan penyakitnya itu". At-Tirmizi dan Abu Daud. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/210, Sahih Al-Jami' 5/180.

muslimnya, maka seolah-olah dia berjalan di jalan syurga sehingga dia duduk. Apabila dia sudah duduk maka rahmat Allah mengelilinginya. Jika dia berkunjung pada waktu pagi, maka tujuh puluh ribu malaikat akan mendoakannya hingga petang dan begitulah sebaliknya"[1].

51. Doa orang sakit yang tidak mungkin sembuh (terasa putus asa).

(150)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَلْحِقْنِي بِالرَّفِيقِ الأَعْلَى.

[1] At-Tirmizi, Ibnu Majah dan Ahmad. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/244, Sahih At-Tirmizi 1/286. Ahmad Syakir: Sahih.

"Ya Allah, ampunilah dosaku. Berilah rahmat kepadaku dan pertemukan aku dengan teman yang tinggi darjatnya"[1].

(151)

"Ketika hampir wafat, Nabi ﷺ memasukkan kedua tangannya ke dalam air lalu menyapukannya ke mukanya dan membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ إِنَّ لِلْمَوْتِ لَسَكَرَاتٍ.

"Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Sesungguhnya bagi kematian itu ada kesakitan (sakarat)"[2].

---

[1] Al-Bukhari 7/10, Muslim 4/1893.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 8/144, dan disebut juga dalam hadis bahawa Nabi ﷺ bersugi.

(152)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللَّهِ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha besar, Tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, Tiada Tuhan melainkan Allah yang tiada sekutu bagiNya, Tiada Tuhan melainkan Allah yang baginya kekuasaan dan bagiNya pujian, Tiada Tuhan melainkan Allah dan tiada daya dan upaya melainkan dengan keizinan Allah"[1].

---

[1] At-Tirmizi dan Ibnu Majah. Al-Albani: Sahih. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/152, Sahih Ibnu Majah 2/317.

52. Ajaran kepada orang yang sedang nazak.

(153)

"Sesiapa yang akhir ucapannya:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ.

'Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dia akan dapat masuk syurga"[1].

53. Doa ketika ditimpa musibah (kematian dan sebagainya).

(154)

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اللَّهُمَّ أْجُرْنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْراً مِنْهَا.

---

[1] Abu Daud 3/190. Lihat: Sahih Al-Jami' 5/432.

“Sesungguhnya kami milik Allah dan kepadaNya kami akan kembali, Ya Allah, Berikanlah ganjaran kepadaku di atas musibah yang menimpaku dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik darinya”[1].

54. Doa ketika menutup mayat.

(155)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِـــفلان (باسمه) وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ، وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ فِي الْغَابِرِينَ، وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ يَارَبَّ الْعَالَمِينَ، وَافْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ.

“Ya Allah, ampunilah (sebut namanya..), angkatlah martabatnya di kalangan orang-

---

[1] Muslim 2/632.

orang yang diberi hidayah, gantilah dia selepas pemergiannya, ampunilah kami dan dia wahai Tuhan Sekelian Alam, perluaskanlah kuburnya dan sinarilah cahaya di dalam kuburnya"[1].

55. Doa ke atas mayat dalam solat jenazah.

(156)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ، وَعَافِهِ، وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَاراً خَيْراً

[1] Muslim 2/634.

مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلاً خَيْراً مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجاً خَيْراً مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ [وَعَذَابِ النَّارِ].

"Ya Allah, Ampunilah baginya, kasihanilah dia, selamatkanlah dia, maafkanlah dia, muliakanlah kedudukannya, perluaskanlah tempat masuk (kuburnya), sucikanlah dia dengan air, salji dan air sejuk, bersihkanlah dia dari dosa-dosa seperti Engkau bersihkan kain yang putih dari kekotoran, gantikanlah dia rumah yang lebih baik dari rumahnya, ahli keluarga yang lebih baik dari ahli keluarganya dan pasangan yang lebih baik dari pasangannya, masukkanlah dia ke syurga

dan hindarilah dia daripada azab kubur dan azab neraka"[1].

(157)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا، وَمَيِّتِنَا، وَشَاهِدِنَا، وَغَائِبِنَا، وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا، وَذَكَرِنَا وَأُنْثَانَا . اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الإِسْلامِ، وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الإِيمَانِ، اللَّهُمَّ لاَ تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلاَ تُضِلَّنَا بَعْدَهُ .

"Ya Allah, Ampunilah mereka yang masih hidup dan yang telah mati, yang ada di kalangan kami dan yang tiada, yang kecil di kalangan kami dan yang tua serta yang lelaki

---

[1] Muslim 2/663.

dikalangan kami dan yang perempuan. Ya Allah, orang-orang yang telah Engkau hidupkan di antara kami, maka hidupkanlah dia dalam Islam dan orang-orang yang telah Engkau matikan di antara kami, matikanlah dia dalam iman. Ya Allah, janganlah Engkau halang kami dari pahalanya dan janganlah Engkau sesatkan kami selepasnya"[1].

(158)

اللَّهُمَّ إِنَّ فُلاَنَ بْنَ فُلاَنٍ فِي ذِمَّتِكَ، وَحَبْلِ جِوَارِكَ، فَقِهِ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ النَّارِ،

---

[1] Ibnu Majah 1/480, Ahmad 2/368. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/251.

وَأَنْتَ أَهْلُ الْوَفَاءِ وَالْحَقِّ، فَاغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

"Ya Allah, Sesungguhnya fulan bin fulan (sebutkan nama) di dalam jagaan Engkau, dan tali perlindungan Engkau, maka peliharalah dia daripada fitnah kubur dan azab neraka. Engkaulah ahli yang menunaikan janji dan kebenaran, maka ampunilah baginya dan kasihanilah dia. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani"[1].

---

[1] Ibnu Majah. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/251, Abu Daud 3/211.

(159)

اللَّهُمَّ عَبْدُكَ وَابْنُ أَمَتِكَ احْتَاجَ إِلَى رَحْمَتِكَ، وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ، إِنْ كَانَ مُحْسِناً فَزِدْ فِي حَسَنَاتِهِ، وَإِنْ كَانَ مُسِيئاً فَتَجَاوَزْ عَنْهُ .

"Ya Allah, Hamba Engkau dan anak hamba perempuan Engkau mengharapkan belas kasihan Engkau dan Engkau Maha Kaya dari mengazabnya. Sekiranya dia melakukan kebajikan maka tambahkanlah ia pada kebajikannya dan sekiranya dia berdosa, lepaskanlah dia darinya"[1].

---

[1] Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/359. Lihat: Al-Albani, Ahkam al-Janaiz 125.

56. Doa solat jenazah kanak-kanak.

(160)

اللَّهُمَّ أَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ القَبْرِ .

"Ya Allah, lepaskan dia dari siksa kubur"[1].

Elok juga kalau dibaca doa ini:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطاً وَذُخْراً لِوَالِدَيْهِ، وَشَفِيعاً مُجَاباً. اللَّهُمَّ ثَقِّلْ بِهِ مَوَازِينَهُمَا وَأَعْظِمْ بِهِ

---

[1] Kata Sa'id bin Al-Masayyib: "Aku bersolat di belakang Abu Hurairah ﷺ ke atas mayat kanak-kanak yang belum melakukan sebarang kesalahan lalu aku dengar beliau membaca doa ini". Malik, Al-Muwatta' 1/288, Ibnu Abi Syaibah, Al-Musannaf 3/217, Al-Baihaqi 4/9. Kata Shu'aib Arnauut: Sanadnya Sahih, Tahqiq Syarh As-Sunnah karangan Al-Baghawi 5/357.

أُجُورَهُمَا، وَأَلْحِقْهُ بِصَالِحِ الْمُؤْمِنِينَ، وَاجْعَلْهُ فِي كَفَالَةِ إِبْرَاهِيمَ، وَقِهِ بِرَحْمَتِكَ عَذَابَ الْجَحِيمِ، وَأَبْدِلْهُ دَاراً خَيْراً مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلاً خَيْراً مِنْ أَهْلِهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَسْلاَفِنَا، وَأَفْرَاطِنَا، وَمَنْ سَبَقَنَا بِالإِيْمَانِ .

"Ya Allah, jadikanlah kematian anak ini sebagai pahala dan simpanan bagi kedua ibu bapanya dan pemberi syafaat yang diterima doanya. Ya Allah, dengan kematian ini beratkanlah timbangan pahala mereka dan besarkanlah ganjaran bagi mereka. Kumpulkan dia bersama orang-orang yang soleh dan letakkan dia di bawah jagaan Nabi Ibrahim عليه السلام. Lepaskan dia dengan rahmatMu dari azab neraka dan gantikanlah dia rumah

yang lebih baik dari rumahnya dan ahli keluarga yang lebih baik dari ahli keluarganya. Ya Allah, ampunilah datuk nenek kami, anak-anak kami serta orang-orang yang beriman sebelum kami"[1].

(161)

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ لَنَا فَرَطاً، وَسَلَفاً، وَأَجْراً.

"Ya Allah, jadikan dia bagi kami sebagai simpanan pahala, amanah, dan ganjaran yang baik"[2].

---

[1] Lihat: Ibnu Qudamah, Al-Mughni 3/416, Ibnu Baz, Ad-Durus Al-Muhimmah 15.

[2] "Al-Hasan RH membaca ke atas mayat kanak-kanak Al-Fatihah dan doa ini". Al-Baghawi, Syarh As-Sunnah 5/357, Abdul Razzaq No. 6588, Al-Bukhari Ta'liqan dalam kitab al-Janaiz 65 bab Qiraat fatihatul kitab 'ala al-janazah 2/113.

57. Ucapan takziah.

(162)

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ، وَلَهُ مَا أَعْطَى وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُسَمًّى... فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْتَسِبْ.

"Sesungguhnya kepunyaan Allah segala yang telah diambil dan kepunyaanNya segala yang telah diberi dan bagi setiap sesuatu di sisiNya mempunyai tempoh yang tertentu...Bersabarlah dan harapkan pahala daripada Allah"[1].

Elok juga diucap dengan kata:

أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ، وَأَحْسَنَ عَزَاءَكَ وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ .

---

[1] Al-Bukhari 2/80, Muslim 2/636.

“Semoga Allah memperbanyakkan pahala kamu dan memperelokkan perkabungan kamu serta mengampunkan orang yang telah meninggal”[1].

58. Doa ketika menurunkan mayat ke dalam kubur.

(163)

بِسْمِ اللّٰهِ وعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللّٰهِ .

“Dengan nama Allah dan mengikut sunnah Rasulullah ﷺ”[2].

---

[1] Al-Azkar An-Nawawi 126.

[2] Abu Daud 3/314 Sanadnya Sahih dan Ahmad dengan lafaz: بسم الله وعلى ملة رسول الله. Sanadnya Sahih.

59. Doa selepas mengebumikan mayat.

(164)

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اَللّٰهُمَّ ثَبِّتْهُ .

"Ya Allah, ampunlah kesalahannya. Ya Allah, teguhkan pendiriannya"[1].

---

[1] "Apabila Nabi ﷺ selesai mengebumikan mayat baginda berdiri di atas kubur dan bersabda: "Mintalah keampunan dari Allah untuk saudara kamu dan tetapkan hatinya (ketika ditanya oleh malaikat) kerana dia sekarang sedang disoal". Abu Daud 3/315, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/370.

60. Doa ziarah kubur.

(165)

السَّلامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ، مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللهُ بِكُمْ لاَحِقُونَ [وَيَرْحَمُ اللهُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأْخِرِينَ] أَسْأَلُ اللهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ.

"Sejahtera ke atas kamu wahai penghuni kampung, daripada orang-orang mukmin dan muslim. Sesungguhnya kami dengan kehendak Allah akan mengikuti kamu. Semoga Allah memberi rahmat kepada orang yang pergi dahulu dan yang mengikuti

kemudian. Kami memohon kepada Allah kesejahteraan bagi kami dan kamu"[1].

61. Doa ketika angin ribut.

(166)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا.

"Ya Allah, aku pinta daripadaMu kebaikannya dan aku berlindung denganMu dari keburukannya"[2].

---

[1] Muslim 2/671, Ibnu Majah dengan lafaz darinya 1/494 daripada Buraidah ﷺ, dalam kurungan dari hadis Aishah ﷺ riwayat Muslim 2/671.

[2] Abu Daud 4/326, Ibnu Majah 2/1228. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/305.

(167)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا فِيهَا، وَخَيْرَ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا، وَشَرِّ مَا فِيهَا، وَشَرِّ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ .

"Ya Allah, aku pinta daripadaMu kebaikannya, kebaikan yang terdapat padanya dan kebaikan yang dikirimkan bersamanya. Aku berlindung denganMu dari keburukannya, keburukan yang terdapat padanya dan keburukan yang dikirim dengannya"[1].

---

[1] Muslim 2/616, Al-Bukhari 4/76.

62. Doa ketika mendengar guruh.

(168)

سُبْحَانَ الَّذِي يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلاَئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ .

"Maha Suci Allah yang diucapkan tasbih oleh guruh dan malaikat dengan memujiNya, lantaran takut kepadaNya"[1].

---

[1] 'Apabila Abdullah bin Az-Zubair ﷺ mendengar guruh beliau diam dan membaca doa ini'. Al-Muwatta' 2/992, Kata Al-Albani: Sanadnya Sahih dari perkataan Ibnu Az-Zubair.

63. Doa istisqa' (minta hujan).

(169)

اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثاً مُغِيثاً مَرِيئاً مَرِيعاً، نَافِعاً غَيْرَ ضَارٍّ، عَاجِلاً غَيْرَ آجِلٍ .

"Ya Allah, siramilah kami dengan hujan yang menyuburkan dan yang baik kesudahannya, yang bertapis-tapis, yang memberi manfaat dan tidak memberi mudharat, yang segera dan tidak lambat"[1].

(170)

اللَّهُمَّ أَغِثْنَا، اللَّهُمَّ أَغِثْنَا، اللَّهُمَّ أَغِثْنَا .

"Ya Allah, siramilah kami. Ya Allah, siramilah kami. Ya Allah siramilah kami"[2].

---

[1] Abu Daud 1/303. Sahih Abu Daud 1/216, Sahih.
[2] Al-Bukhari 1/224, Muslim 2/613.

(171)

اللَّهُمَّ اسْقِ عِبَادَكَ، وَبَهَائِمَكَ، وَانْشُرْ رَحْمَتَكَ، وَأَحْيِ بَلَدَكَ الْمَيِّتَ .

"Ya Allah, siramilah hambaMu dan haiwan-haiwan ternakanMu, sebarkanlah rahmatMu dan hidupkanlah negeriMu yang mati"[1].

64. Doa ketika hujan turun.

(172)

اللَّهُمَّ صَيِّباً نَافِعاً .

"Ya Allah, cucurilah kami dengan hujan manfaat"[2].

---

[1] Abu Daud 1/305. Sahih Abu Daud 1/218, Hasan.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 2/518.

65. Doa selepas hujan turun.

(173)

مُطِرْنَا بِفَضْلِ اللّٰهِ وَرَحْمَتِهِ .

"Kami telah diturunkan hujan dengan limpah kurnia dan rahmat daripada Allah"[1].

66. Doa ketika hujan terlalu lebat (agar berhenti).

(174)

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلاَ عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الآكَامِ

وَالظِّرَابِ، وَبُطُونِ الأَوْدِيَةِ، وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ .

"Ya Allah, turunkanlah hujan di sekitar kami dan janganlah ditimpakan bencana ke atas kami. Ya Allah, turunkannya di dataran

---

[1] Al-Bukhari 1/205, Muslim 1/83.

tinggi, bukit-bukit, lembah-lembah serta tempat tumbuhnya pokok-pokok"[1].

67. Doa ketika melihat anak bulan.

(175)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ أَهِلَّهُ عَلَيْنَا بِالأَمْنِ وَالإِيمَانِ، وَالسَّلامَةِ وَالإِسْلامِ، وَالتَّوْفِيقِ لِمَا تُحِبُّ رَبَّنَا وَتَرْضَى، رَبُّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ .

"Allah Maha Besar. Ya Allah, terbitkanlah ke atas kami bulan sabit yang membawa keamanan dan keimanan, kesejahteraan dan Islam, serta taufiq untuk melakukan segala yang Engkau redha. Tuhanku dan Tuhanmu ialah Allah"[2].

---

[1] Al-Bukhari 1/224, Muslim 2/614.

[2] At-Tirmizi 5/504, Ad-Darimi dengan lafaznya 1/336. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/157.

68. Doa ketika berbuka puasa.

(176)

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَابْتَلَّتِ الْعُرُوقُ، وَثَبَتَ الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ .

"Telah hilanglah dahaga, telah basah urat saraf dan telah tetaplah ganjaran insya'Allah (sekiranya dikehendaki Allah)"[1].

(177)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي .

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan rahmatMu yang meliputi

---

[1] Abu Daud 2/306 dan lainnya. Lihat: Sahih Al-Jami' 4/209.

segala sesuatu supaya Engkau mengampunkan kesalahanku"[1].

69. Doa sebelum makan.

(178)
"Apabila seseorang kamu hendak makan bacalah:

بِسْمِ اللّٰهِ.

"Dengan nama Allah".

Jika dia terlupa membaca *'BISMILLAH'* sewaktu mula makan, hendaklah dia membaca:

بِسْمِ اللّٰهِ فِي أَوَّلِهِ وَآخِرِهِ.

---

[1] Ibnu Majah 1/557 daripada doa Abdullah bin 'Amr ﷺ. Kata al-Hafiz dalam takhrij Al-Azkar: Hasan. Lihat: Syarh Al-Azkar 4/342.

"Dengan nama Allah pada permulaannya dan akhirnya"[1].

(179)

"Sesiapa yang diberi rezeki makanan oleh Allah, hendaklah dia membaca:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ وَأَطْعِمْنَا خَيْراً مِنْهُ.

"Ya Allah, Berilah kami berkat dengan makanan itu dan berilah makanan yang lebih baik darinya".

Sesiapa yang diberi rezeki minuman susu (laban) hendaklah dia membaca:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ وَزِدْنَا مِنْهُ .

"Ya Allah, berilah kami berkat dengan minuman itu dan berilah tambahan darinya"[2].

---

[1] Abu Daud 3/347, At-Tirmizi 4/288. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/167.

[2] At-Tirmizi 5/506. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/158.

70. Doa selepas makan.

(180)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا، وَرَزَقَنِيهِ، مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلاَ قُوَّةٍ .

"Segala puji bagi Allah yang memberiku makanan ini dan mengurniakannya untukku tanpa daya dan upaya daripadaku"[1].

(181)

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْداً كَثِيراً طَيِّباً مُبَارَكاً فِيهِ، غَيْرَ [مَكْفِيٍّ وَلاَ] مُوَدَّعٍ، وَلاَ مُسْتَغْنًى عَنْهُ رَبَّنَا .

"Sebanyak-banyak pujian bagi Allah, pujian yang elok lagi berkat padanya, tiada yang

---

[1] Ashab as-Sunan kecuali An-Nasai. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/159.

lebih baik darinya, tiada tempat berserah yang paling baik dan tiada yang lebih kaya daripadaNya iaitu Tuhan kami"[1].

71. Doa tetamu untuk tuan makanan.

(182)

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمْ فِيمَا رَزَقْتَهُمْ، وَاغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ .

"Ya Allah, berkatilah mereka pada rezeki yang telah Engkau berikan kepada mereka, ampunilah mereka, dan rahmatilah mereka"[2].

---

[1] Al-Bukhari 6/214, At-Tirmizi dengan lafaznya 5/507.

[2] Muslim 3/1615.

72. Doa tetamu untuk tuan minuman.

(183)

اللّٰهُمَّ أَطْعِمْ مَنْ أَطْعَمَنِي وَاسْقِ مَنْ سَقَانِي.

"Ya Allah, berikanlah makanan kepada orang yang telah memberiku makan dan berikanlah minuman kepada orang yang telah memberiku minum"[1].

73. Doa apabila berbuka puasa di rumah orang.

(184)

أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ، وَأَكَلَ طَعَامَكُمْ الأَبْرَارُ، وَصَلَّتْ عَلَيْكُمُ الْمَلائِكَةُ.

---

[1] Muslim 3/126.

"Orang-orang yang berpuasa telah berbuka dengan kamu dan orang-orang yang mulia telah memakan makanan kamu serta para Malaikat mendoakan agar kamu mendapat rahmat"[1].

74. Doa orang yang berpuasa apabila diajak makan.

(185)

"Apabila seseorang di antara kamu dijemput makan hendaklah dipenuhi. Kalau dia berpuasa hendaklah dia mendoakan (kepada orang yang menjemput). Kalau dia tidak berpuasa hendaklah dia makan"[2].

---

[1] Abu Daud 3/367, Ibnu Majah 1/556, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 296-298, dengan menjelaskan bahawa Nabi ﷺ mengucapnya kepada tuan rumah ketika berbuka puasa. Sahih Abu Daud 2/730, Sahih.

[2] Muslim 2/1054.

75. Ucapan orang yang berpuasa apabila dimaki oleh orang.

(186)

إِنِّيْ صَائِمٌ، إِنِّيْ صَائِمٌ .

"Saya berpuasa, saya berpuasa"[1].

76. Doa apabila melihat buah sudah masak.

(187)

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي ثَمَرِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي مَدِينَتِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي صَاعِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِي مُدِّنَا.

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 4/103, Muslim 2/806.

"Ya Allah, berilah berkat kepada buah-buahan kami, berilah berkat kepada negeri kami, berilah berkat kepada gantang (timbangan) kami dan berilah berkat kepada cupak kami"[1].

77. Doa ketika bersin.

(188)

"Apabila seseorang bersin hendaklah dia berkata:

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ

"Segala puji bagi Allah".

Saudara atau temannya hendaklah menjawab:

يَرْحَمُكَ اللهُ

"Semoga Allah memberi rahmat kepadamu".

---

[1] Muslim 2/1000.

Apabila saudaranya berkata demikian, hendaklah dia menjawab:

يَهْدِيكُمُ اللّٰهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ .

"Semoga Allah memberi petunjuk kepadamu dan memperbaiki urusanmu"[1].

78. Ucapan apabila orang kafir bersin.

(189)

يَهْدِيْكُمُ اللهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ .

"Semoga Allah memberi petunjuk kepada kamu dan memperbaiki hatimu"[2].

---

[1] Al-Bukhari 7/125.

[2] At-Tirmizi 5/82, Ahmad 4/400, Abu Daud 4/308. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/354.

79. Doa kepada pengantin.

(190)

بَارَكَ اللّٰهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ.

"Semoga Allah memberkatimu dan ke atasmu dan menghimpunkan kamu berdua dalam kebaikan"[1].

80. Doa pengantin untuk dirinya dan doa apabila membeli binatang (kenderaan).

(191)

"Apabila seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan atau membeli seorang hamba maka bacalah:

---

[1] Ashab as-Sunan kecuali An-Nasai. Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/316.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ.

"Ya Allah, aku memohon kepadaMu kebaikannya dan segala yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya dan aku berlindung denganMu daripada kejahatannya dan kejahatan yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya ".

Dan apabila engkau membeli unta (haiwan) hendaklah memegang bonggolnya dan membaca doa seperti di atas[1].

---

[1] Abu Daud 2/248, Ibnu Majah 1/617. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/324.

81. Doa sebelum bersetubuh.

(192)

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ، وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا.

"Dengan nama Allah. Ya Allah, jauhkan kami daripada syaitan dan jauhkanlah syaitan daripada anak yang Engkau rezekikan kepada kami"[1].

82. Doa ketika marah.

(193)

أَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

"Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam"[2].

---

[1] Al-Bukhari 6/141, Muslim 2/1028.

[2] Al-Bukhari 7/99, Muslim 4/2015.

83. Doa ketika melihat orang ditimpa bala.

(194)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي مِمَّا ابْتَلاكَ بِهِ وَفَضَّلَنِي عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلاً.

"Segala puji bagi Allah yang menyelamatkanku dari segala yang engkau balakan dengannya dan memberikanku kelebihan di atas ramai makhluk yang dicipta dengan satu kelebihan"[1].

---

[1] At-Tirmizi 5/494,493. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/153.

84. Bacaan apabila berada dalam majlis.

(195)

"Daripada Ibnu Umar ﷺ katanya: Adalah dihitung bacaan Rasulullah ﷺ 100 kali dalam satu majlis:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الْغَفُورُ.

"Wahai Tuhanku, ampunilah aku dan terimalah taubatku. Sesungguhnya Engkau sangat menerima taubat lagi Maha Pengampun"[1].

---

[1] At-Tirmizi dan lainnya. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/153, Sahih Ibnu Majah 2/321. lafaz hadis riwayat At-Tirmizi.

85. Doa kaffarah (pembersih) majlis.

(196)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ

"Maha Suci Engkau Ya Allah, dengan memujiMu, aku mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Aku memohon keampunan dan aku bertaubat kepadaMu"[1].

---

[1] Ashab as-Sunan. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/153. Telah sabit dari Aishah ﷺ katanya: "Setiap kali Rasulullah ﷺ duduk di suatu tempat, apabila selesai membaca Al-Quran dan selesai melakukan solat, Baginda mengakhirinya dengan membaca kalimah (doa) ini". An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah No. 308, Dr. Farok Hamadah mentashihnya dalam tahqiq kitab ini 273.

86. Doa kepada mereka yang berkata: 'Ghafarallahu laka'.

(197)

غَفَرَ اللهُ لَكَ.

"Semoga Allah mengampunimu".

وَلَكَ

"Begitu juga bagimu"[1].

87. Doa untuk mereka yang berbuat kebaikan kepadamu.

(198)

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْراً.

---

[1] Ahmad 5/82, An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah 218 No. 421 tahqiq Dr. Hamadah.

"Semoga Allah memberi balasan yang baik untukmu"[1].

88. Bacaan untuk berlindung dari fitnah dajjal.

(199)

"Sesiapa menghafaz sepuluh ayat dari awal Surah Al-Kahfi nescaya dia terpelihara dari fitnah dajjal"[2].

Begitu juga dengan meminta perlindungan dengan Allah selepas membaca tasyahud akhir setiap kali solat[3].

---

[1] At-Tirmizi No. 2035. Lihat: Sahih Al-Jami' 6244, Sahih At-Tirmizi 2/200.

[2] Muslim 1/555, dalam satu riwayat: "dari akhir Surah Al-Kahf". 1/556.

[3] Lihat hadis No. 55 dan 56.

89. Doa kepada mereka yang berkata: 'Aku menyayangimu kerana Allah'.

(200)

أَحَبَّكَ الَّذِي أَحْبَبْتَنِي لَهُ .

"Semoga Allah menyayangimu kerana engkau menyayangiku keranaNya"[1].

90. Doa kepada mereka yang menawarkan hartanya kepadamu.

(201)

بَارَكَ اللّٰهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ .

"Semoga Allah memberkatimu dalam (menguruskan) keluarga dan hartamu"[2].

---

[1] Abu Daud 4/333, Sahih Abu Daud 3/965, Sahih.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 4/88.

91. Doa ketika membayar hutang.

(202)

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ، إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلَفِ الْحَمْدُ وَالأَدَاءُ.

"Semoga Allah memberkatimu dalam (menguruskan) keluarga dan hartamu. Sesungguhnya balasan bagi setiap pinjaman ialah memuji penunaiannya serta menjelaskannya"[1].

---

[1] An-Nasai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah 300, Ibnu Majah 2/809. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/55.

92. Doa agar terhindar dari syirik.

(203)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ أَنْ أُشْرِكَ بِكَ وَأَنَا أَعْلَمُ، وأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لاَ أَعْلَمُ .

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari melakukan syirik kepadaMu sedang aku mengetahuinya dan aku minta ampun daripadaMu di atas perbuatan yang aku tidak mengetahuinya"[1].

---

[1] Ahmad 4/403 dan lainnya. Lihat: Sahih Al-Jami' 3/233, Sahih At-Targhib 1/19.

93. Bacaan untuk orang yang berkata: 'Barakallahu fika'.

(204)

بَارَكَ اللّٰهُ فِيْكَ.

"Semoga Allah memberkati amalan kamu".

وَفِيكَ بَارَكَ اللّٰهُ.

"Dan Semoga Allah memberkati amalan kamu juga"[1].

94. Doa agar terhindar dari sial (tatoyyur).

(205)

---

[1] Ibnu As-Sunni 138 No. 278. Lihat: Ibnu Al-Qayyim, Al-Wabil As-Saib 304 tahqiq Bashir 'Uyun.

اللَّهُمَّ لاَ طَيْرَ إِلاَّ طَيْرُكَ، وَلاَ خَيْرَ إِلاَّ خَيْرُكَ، وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ.

"Ya Allah, tidak ada kesialan kecuali sesuatu yang telah Engkau tentukan. Tidak ada kebaikan kecuali kebaikan yang telah Engkau tentukan dan tiada tuhan yang berhak disembah selain dariMu"[1].

---

[1] Ahmad 2/220, Ibnu As-Sunni No. 292, Al-Albani, As-Silsilah As-sahihah 3/54 No. 1065. Adapun 'Al-Fa'lu' mengambil sempena baik dengan sesuatu disukai oleh Nabi ﷺ, kerana itu sewaktu Nabi ﷺ mendengar satu perkataan yang baik daripada seorang lelaki Baginda bersabda: "Kami menganggap baik perkataan yang keluar dari mulut engkau". Abu Daud, Ahmad, Al-Albani, As-Silsilah As-sahihah 2/363, Abi As-Sheikh, Akhlaq An-Nabi ﷺ 270.

95. Doa naik kenderaan.

(206)

بِسْمِ اللَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، ﴿ سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا هَـٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ . وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴾، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ.

"Dengan Nama Allah. Segala Puji bagi Allah. Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum ini tidak terdaya menguasainya. Sesungguhnya kepada Tuhan kamilah kami

akan kembali. Segala puji bagi Allah, Segala puji bagi Allah, Segala puji bagi Allah. Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Maha Suci Engkau, aku telah menzalimi diriku. Ampunilah daku. Sesungguhnya hanya Engkaulah Pengampun dosa-dosa"[1].

96. Doa musafir.

(207)

اللّٰهُ أَكْبَرُ، اللّٰهُ أَكْبَرُ، اللّٰهُ أَكْبَرُ ﴿ سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا هَـٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ . وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴾ اللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي

---

[1] Abu Daud 3/34, At-Tirmizi 5/501. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/156.

سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَالْخَلِيفَةُ فِي الأَهْلِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعْثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالأَهْلِ.

"Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum ini tidak terdaya menguasainya. Sesungguhnya kepada Tuhan kamilah kami akan kembali. Ya Allah, kami memohon kepadaMu dalam perjalanan kami kebaikan dan ketaqwaan dan amalan yang

Engkau redhai, Ya Allah, ringankanlah perjalanan kami dan pendekkanlah jaraknya. Ya Allah Engkaulah Teman dalam perjalanan dan Pengurus bagi ahli keluarga. Ya Allah, aku memohon perlindunganMu dari kesulitan perjalanan, pandangan yang menyedihkan, dan kejahatan yang boleh menimpa harta dan ahli keluarga".

Setelah kembali bacalah doa di atas dan tambah dengan bacaan ini:

آيِبُونَ، تَائِبُونَ، عَابِدُونَ، لِرَبِّنَا حَامِدُونَ.

"Kami kembali dengan bertaubat dan menghambakan diri. Kepada Tuhan kami kami mengucapkan puji-pujian"[1].

---

[1] Muslim 2/998.

97. Doa masuk kampung atau bandar.

(208)

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ السَّبْعِ وَمَا أَظْلَلْنَ، وَرَبَّ الأَرَضِينَ السَّبْعِ وَمَا أَقْلَلْنَ، وَرَبَّ الشَّيَاطِينِ وَمَا أَضْلَلْنَ، وَرَبَّ الرِّيَاحِ وَمَا ذَرَيْنَ. أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذِهِ الْقَرْيَةِ وَخَيْرَ أَهْلِهَا، وَخَيْرَ مَا فِيهَا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا، وشَرِّ أَهْلِهَا، وشَرِّ مَا فِيهَا.

"Ya Allah, Tuhan tujuh petala langit dan segala yang dinaunginya dan Tuhan tujuh

lapis bumi dan segala yang di atasnya, Tuhan yang menguasai syaitan-syaitan dan segala yang mereka sesatkan, Tuhan yang menguasai angin dan segala yang diterbangkannya, aku memohon kepadaMu kebaikan kampung ini, penduduk dan segala yang ada di dalamnya. Aku berlindung denganMu dari kejahatan kampung ini, penduduk dan segala yang ada di dalamnya"[1].

---

[1] Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 2/100, Ibnu As-Sunni No. 524. Al-Hafiz: Hasan, Takhrij Al-Azkar 5/154. Ibnu Baz: riwayat An-Nasai dan sanadnya hasan, Tuhfatul Akhyar 37.

98. Doa masuk pasar.

(209)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ لاَ يَمُوتُ، بِيَدِهِ الْخَيْرُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya kepujian, Dia Yang Menghidupkan dan Mematikan, Dia Tetap Hidup dan tidak akan mati, di tanganNya kebaikan dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu"[1].

---

[1] At-Tirmizi 5/29111, Al-Hakim 1/538, Sahih Ibnu Majah 2/21, Sahih At-Tirmizi 3/153, Hasan.

99. Doa apabila kenderaan tergelincir.

(210)

بِسْمِ اللهِ

"Dengan nama Allah"[1].

100. Doa orang musafir kepada orang bermukim.

(211)

أَسْتَوْدِعُكُمُ اللَّهَ الَّذِي لاَ تَضِيعُ وَدَائِعُهُ .

"Aku serahkan kamu kepada Allah yang tidak pernah mensia-siakan simpanan yang ditinggalkan kepadaNya"[2].

---

[1] Abu Daud 4/296. Sahih Abu Daud 3/942, Sahih.

[2] Ahmad 2/403, Ibnu Majah 2/943. Lihat: Sahih Ibnu Majah 2/133.

101. Doa orang bermukim kepada orang musafir.

(212)

أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكَ، وَأَمَانَتَكَ، وَخَوَاتِيمَ عَمَلِكَ .

"Aku serahkan agamamu, amanahmu dan penamat amalanmu kepada Allah"[1].

(213)

زَوَّدَكَ اللَّهُ التَّقْوَى، وَغَفَرَ ذَنْبَكَ، وَيَسَّرَ لَكَ الْخَيْرَ حَيْثُمَا كُنْتَ .

"Semoga Allah menambah kepadamu ketaqwaan dan mengampunkan dosa kamu

---

[1] Ahmad 2/7, At-Tirmizi 5/499. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/155.

dan memudahkan kepadamu kebaikan di sebarang tempat kamu berada"[1].

102. Membaca takbir di tempat yang tinggi dan membaca tasbih ketika turun.

(214)

"Daripada Jabir ﷺ katanya: Apabila kami menaiki bukit kami membaca takbir اللهُ أَكْبَرُ "Allah Maha Besar".

dan apabila turun kami membaca tasbih: سُبْحَانَ اللهِ "Maha Suci Allah"[2].

---

[1] At-Tirmizi. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/155.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/135.

103. Doa musafir ketika bermusafir waktu sahur (pagi).

(215)

سَمَّعَ سَامِعٌ بِحَمْدِ اللّٰهِ، وَحُسْنِ بَلائِهِ عَلَيْنَا. رَبَّنَا صَاحِبْنَا، وَأَفْضِلْ عَلَيْنَا عَائِذاً بِاللّٰهِ مِنَ النَّارِ .

"Telah ada yang bersaksi bahawa kami memuji Allah Ta'ala di atas segala nikmat dan ujianNya. Wahai Tuhan kami, temanilah (peliharalah) kami, anugerahkanlah kami kelebihan berlindung dengan Allah daripada api Neraka"[1].

---

[1] Muslim 4/2086. 'Erti سمع سامع telah bersaksi orang yang bersaksi akan pujian kami kepada Allah di atas segala nikmat dan cubaanNya. Erti سمّع سامع Telah menyampai orang yang mendengar ucapan saya kepada orang lain. Bacaan seumpama ini sebagai perhatian kepada zikir waktu dinihari (sahur) dan doa'. Syarah An-Nawawi 17/39.

104. Doa apabila berhenti di suatu tempat.

(216)

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَاخَلَقَ.

"Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dari kejahatan semua makhluk"[1].

105. Doa apabila pulang dari bermusafir.

(217)

"Mengucap takbir tiga kali setiap kali naik tempat tinggi, kemudian membaca:

---

[1] Muslim 4/2080.

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، آيِبُونَ تَائِبُونَ، عَابِدُونَ، لِرَبِّنَا حَامِدُونَ، صَدَقَ اللَّهُ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu. Kami kembali dengan bertaubat, menghambakan diri dan kepada Tuhan kami mengucapkan puji-pujian. Allah telah menepati janjiNya dan membela hambanya dan mengalahkan tentera musuh dengan sendiriNya"[1].

---

[1] "Apabila Nabi ﷺ balik dari berperang atau haji baginda membacanya". Al-Bukhari 7/163, Muslim 2/980.

106. Bacaan apabila ada sesuatu yang menyenangkan atau menyusahkan.

(218)

"Apabila ada sesuatu yang menyenangkan Nabi ﷺ Baginda membaca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنَعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ .

"Segala puji bagi Allah yang dengan nikmatNya sempurnalah perkara-perkara yang baik".

Dan apabila ada sesuatu yang menyusahkan Baginda membaca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ .

"Segala puji bagi Allah atas segalanya"[1].

---

[1] Ibnu As-Sunni dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah dan Al-Hakim mentashihnya 1/499, Al-Albani mentashihnya dalam Sahih Al-Jami' 4/201.

107. Kelebihan berselawat ke atas Nabi ﷺ.

(219)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah akan memberi rahmat kepadanya sepuluh kali"[1].

(220)

Sabdanya yang bermaksud: "Jangan kamu jadikan kuburku seperti tempat perayaan dan ucaplah selawat ke atasku kerana sesungguhnya selawat kamu akan sampai kepadaku di mana saja kamu berada"[2].

---

[1] Muslim 1/288.

[2] Abu Daud 2/218, Ahmad 2/367. Sahih Abu Daud 2/383, Sahih.

(221)

Sabdanya yang bermaksud: "Orang yang bakhil ialah orang yang apabila disebut namaku di sisinya, dia tidak berselawat ke atasku"[1].

(222)

Sabdanya yang bermaksud: "Allah mempunyai Malaikat-malaikat yang berjalan di bumi untuk menyampaikan kepadaku salam dari umatku"[2].

(223)

Sabdanya lagi yang bermaksud: "Tidak ada orang yang mengucapkan salam kepadaku melainkan Allah mengembalikan

---

[1] At-Tirmizi 5/551 dan lainnya. Lihat: Sahih Al-Jami' 3/25, Sahih At-Tirmizi 3/177.

[2] An-Nasai, Al-Hakim 2/421. Sahih An-Nasai 1/274, sahih.

kepadaku rohku hingga aku membalas salamnya"[1].

108. Mengucap salam.

(224)

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "Kamu tidak akan masuk syurga hingga kamu beriman dan tidak sempurna iman kamu hingga kamu berkasih sayang sesama muslim. Mahukah aku tunjukkan kepada kamu suatu perkara yang apabila kamu melakukannya kamu akan berkasih sayang? Sebarkan salam di antara kamu"[2].

(225)

"Ada tiga perkara yang apabila orang mampu melakukannya maka dia telah mengumpulkan keimanan; 1- menginsafi diri.

---

[1] Abu Daud No. 2041. Sahih Abu Daud 1/383, Hasan.
[2] Muslim 1/74 dan lainnya.

2- mengucap salam kepada orang alim dan 3- memberi derma dalam keadaan fakir"[1].

(226)

Daripada Abdullah bin Umar ﷺ: Seorang lelaki bertanya Nabi ﷺ: Manakah Islam yang paling baik? Sabda Baginda yang bermaksud: "Hendaklah engkau memberi makan dan mengucap salam kepada mereka yang kamu kenal dan yang tidak kenal"[2].

109. Cara menjawab salam dari orang kafir.

(227)

"Apabila orang yahudi atau kristian (Ahlul kitab) mengucap salam, maka jawablah:

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 1/82 dari kata-kata 'Ammar ﷺ.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 1/55, Muslim 1/65.

"Dan ke atas kamu"[1].

110. Doa ketika mendengar kokokan ayam dan laungan keldai (himar).

(228)

"Apabila kamu mendengar kokokan ayam maka pohonlah rahmat daripada Allah kerana sesungguhnya ia telah melihat malaikat. Apabila kamu mendengar suara himar maka pohonlah perlindungan dengan Allah daripada syaitan kerana sesungguhnya ia telah melihat syaitan"[2].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/42, Muslim 4/1705.
[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/350, Muslim 4/2092.

111. Doa ketika mendengar salakan anjing pada waktu malam.

(229)

Apabila kamu mendengar salakan anjing, maka pohonlah perlindungan dengan Allah daripadanya, kerana sesungguhnya ia telah melihat sesuatu yang kamu tidak lihat"[1].

112. Doa kepada orang yang dicaci.

(230)

Nabi ﷺ berdoa:

اللَّهُمَّ فَأَيُّمَا مُؤْمِنٍ سَبَبْتُهُ فَاجْعَلْ ذَلِكَ لَهُ قُرْبَةً إِلَيْكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .

"Ya Allah, sesiapa sahaja daripada kalangan orang mukmin yang pernah aku caci, maka

[1] Abu Daud 4/327, Ahmad 3/306. Sahih Abu Daud 3/961, Sahih.

jadikanlah ia sebagai satu amalan yang mendekatkan dirinya kepadaMu pada hari kiamat"[1].

113. Bacaan apabila memuji seorang muslim.

(231)

Sabda Rasulullah ﷺ: "Apabila seseorang mesti memuji saudaranya hendaklah dia berkata: 'Saya kira fulan (sebut nama)..., dan Allahlah yang mengawasi perbuatannya dan saya tidak membersihkan seseorang di hadapan Allah'.

Kalau dia tahu katakanlah: 'Saya kira...(sebutkan)"[2].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/171, Muslim 4/2007 dengan lafaz: "Jadikanlah baginya penyuci kesalahannya dan rahmat".

[2] Muslim 4/2296 No. 3000.

114. Bacaan apabila dipuji.

(232)

اَللَّهُمَّ لاَ تُؤَاخِذْنِي بِمَا يَقُولُونَ، وَاغْفِرْلِي مَا لاَ يَعْلَمُونَ،[وَاجْعَلْنِيْ خَيْراً مِمَّا يَظُنُّونَ].

"Ya Allah, janganlah Engkau hukum salah ke atasku dengan segala yang mereka katakan kepadaku dan ampuni semua kesalahanku yang mereka tidak mengetahuinya serta jadikanlah diriku lebih baik dari sangkaan yang mereka sangkakan"[1].

---

[1] Al-Bukhari dalam Al-Adab al-Mufrad No. 761, Sahih Al-Adab al-Mufrad No. 585. dalam kurungan tambahan dari Al-Baihaqi dalam Syu'abul Iman 4/228 daripada rawi lain.

115. Bacaan Talbiyah haji dan umrah.

(233)

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ، لاَ شَرِيكَ لَكَ.

"Ku sambut seruanMu ya Ilahi, ku sambut seruanMu. Ku sambut seruanMu, tiada sekutu bagiMu, ku sambut seruanMu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan adalah milikMu, tiada sekutu bagiMu"[1].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 3/408, Muslim 2/841.

116. Bertakbir apabila sampai di Hajar Aswad.

(234)

"Nabi ﷺ bertawaf di Baitullah dengan menaiki unta. Setiap kali sampai di rukun Hajar Aswad Baginda mengisyarat kepadanya serta bertakbir"[1].

117. Bacaan di antara rukun Yamani dan Hajar Aswad.

(235)

﴿ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴾.

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 3/476. "Nabi ﷺ mengisyarat kepada Hajar Aswad dengan tongkat yang berada di tanganNya".

"Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat serta selamatkan kami dari azab neraka"[1].

118. Bacaan ketika berada di atas bukit Safa dan Marwah.

(236)

"Apabila berada di tepi bukit safa Nabi ﷺ membaca:

﴿ إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ﴾ أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللّٰهُ بِهِ.

---

[1] Abu Daud 2/179, Ahmad 3/411, Al-Baghawi, Syarh As-Sunnah 7/128, Sahih Abu Daud 1/354, Hasan. Ayat 201 dari Surah Al-Baqarah.

"Sesungguhnya bukit Safa dan Marwah adalah sebahagian dari syiar tempat beribadat kepada Allah". Aku mulai sa'ie mengikut apa yang di dahulukan oleh Allah".

Kemudian Nabi ﷺ naik ke atas bukit Safa sehingga melihat Kaabah dan menghadapkan mukanya ke arah kiblat. Baginda membaca kalimah tauhid dan bertakbir:

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ .

"Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar".

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ، أَنْجَزَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ .

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya. Allah telah menepati janjiNya dan membela hambanya dan mengalahkan tentera musuh dengan sendiriNya".

Kemudian Nabi ﷺ berdoa di antara keduanya.

Baginda membacanya sebanyak tiga kali.

Di dalam hadis tersebut juga dikatakan bahawa Nabi ﷺ membaca di atas bukit Marwah seperti bacaannya di Safa"[1].

---

[1] Muslim 2/888.

119. Doa hari Arafah (9 Zulhijjah).

(237)

"Sebaik-baik doa ialah doa yang dibaca pada hari Arafah dan sebaik-baik ucapan yang aku ucapkan serta nabi-nabi sebelumku ialah:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya kepujian, dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu"[1].

At-Tirmizi. Al-Albani, Sahih At-Tirmizi 3/184, As-Silsilah As-Sahihah 4/6.

120. Doa di Mash'aril Haram (Muzdalifah).

(238)

"Nabi ﷺ menaiki unta yang bernama 'al-Qaswa' (dari Arafah) hingga sampai ke Al-Mash'aril Haram lalu Nabi ﷺ menghadap ke arah kiblat lalu berdoa, bertakbir (الله أكبر), bertahlil (لا إله إلا الله) serta membaca kalimah tauhid".

Baginda (melakukannya selepas solat subuh) berterusan hingga langit nampak terang, kemudian Baginda berangkat menuju ke Mina sebelum terbit matahari"[1].

---

[1] Muslim 2/891.

121. Bertakbir ketika melontar Jamrah.

(239)

"Nabi ﷺ bertakbir setiap kali melontar ketiga-tiga jamrah. Kemudian Nabi ﷺ pergi ke hadapan jamrah serta menghadap ke arah kiblat dan berdoa dengan mengangkat kedua tangannya. Baginda melakukannya selepas Jamrah Ula (pertama) dan Wusta (tengah). Adapun selepas Jamrah Aqabah, Baginda bertakbir ketika melontar setiap biji anak batu kemudian terus pergi tanpa berhenti untuk berdoa". (seperti dua jamrah di atas)[1].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 3/583-584, 581, Muslim.

122. Bacaan ketika kagum terhadap sesuatu.

(240)

سُبْحَانَ اللهِ

"Maha Suci Allah"[1].

(241)

اَللهُ أَكْبَرُ

"Allah Maha Besar"[2].

---

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 1/210,390,414, Muslim 4/1857.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 8/441. Lihat: Sahih At-Tirmizi 2/103,235, Ahmad 5/218.

123. Perbuatan yang patut dilakukan apabila ada sesuatu yang menggembirakan.

(242)

"Apabila ada sesuatu yang menggembirakannya Nabi ﷺ Baginda terus sujud syukur kepada Allah Tabaraka Wa Ta'ala"[1].

124. Bacaan dan perbuatan apabila tubuh merasa sakit.

(243)

"Letak tangan di tempat sakit kemudian baca:

بِسْمِ اللهِ .

"Bismillah" tiga kali, dan baca tujuh kali:

---

[1] Ahlu as-Sunan kecuali An-Nasai. Lihat: Sahih Ibnu Majah 1/233, Irwa' al-Ghalil 2/226.

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وأُحَاذِرُ .

"Aku berlindung dengan Allah dan kekuasaanNya dari kejahatan yang aku dapati dan aku takuti"[1].

125. Bacaan apabila takut ditimpa sesuatu bencana.

(244)

"Apabila seseorang daripada kamu melihat saudaranya atau dirinya atau hartanya yang mengagumkannya, maka hendaklah dia berdoa untuk keberkatan saudaranya (dengan

---

[1] Muslim 4/1728.

berkata “*Masya'Allah*”-Pent.), kerana *'ain*[1] adalah benar (berlaku)”[2].

126. Bacaan ketika terkejut.

(245)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ

“Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah”[3].

---

[1] 'Ain ialah satu kecelakaan yang menimpa seseorang dengan sebab pandangan mata yang membahayakan. *Pent.*

[2] Musnad Ahmad 4/447, Ibnu Majah, Malik, Al-Albani, Sahih Al-Jami' 1/212, Sahih. Lihat: Al-Arnauut, Tahqiq Zadul Ma'aad 4/170.

[3] Al-Bukhari serta Fathul Bari 6/181, Muslim 4/2208.

127. Bacaan ketika menyembelih haiwan.

(246)

بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ [اللَّهُمَّ مِنْكَ وَلَكَ] اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنِّي.

"Dengan nama Allah dan Allah Maha Besar. Ya Allah, binatang ini daripada Engkau dan akan kembali kepada Engkau. Ya Allah, terimalah daripadaku"[1].

128. Bacaan untuk menolak gangguan syaitan.

(247)

[1] Muslim 3/1557, Al-Baihaqi 9/287, dalam kurungan riwayat Al-Baihaqi dan jumlah terakhir diriwayat dengan makna dari Muslim.

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ الَّتِي لاَ يُجَاوِزُهُنَّ بَرٌّ وَلاَ فَاجِرٌ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، وَبَرَأَ وَذَرَأَ، وَمِنْ شَرِّ مَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ، وَمِنْ شَرِّ مَا يَعْرُجُ فِيهَا، وَمِنْ شَرِّ مَا ذَرَأَ فِي الأَرْضِ، وَمِنْ شَرِّ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا، وَمِنْ شَرِّ فِتَنِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ طَارِقٍ إِلاَّ طَارِقاً يَطْرُقُ بِخَيْرٍ يَارَحْمَنُ.

"Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, yang tidak boleh ditembusi oleh orang yang baik dan yang jahat, dari kejahatan semua makhluk, dari kejahatan semua yang turun dari langit dan yang naik kepadanya, dari kejahatan semua yang

tumbuh di dalam bumi dan yang keluar daripadanya, dari kejahatan fitnah yang berlaku di waktu malam dan siang dan dari kejahatan yang datang (pada waktu malam) kecuali dengan tujuan baik, wahai Tuhan yang Maha Pengasih"[1].

129. Istighfar (meminta ampun) dan taubat.

(248)

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "Demi Allah, sesungguhnya aku meminta ampun dan bertaubat kepadaNya setiap hari lebih dari 70 kali"[2].

---

[1] Ahmad 3/419 Sanadnya Sahih, Ibnu As-Sunni No. 637, Al-Arnauut: Sahih, Takhrij At-Tahawi 133. Lihat: Majma' Az-Zawaid 10/127.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/101.

(249)

Sabdanya yang bermaksud: "Wahai manusia, Bertaubatlah kamu kepada Allah! Sesungguhnya Aku bertaubat kepadaNya setiap hari 100 kali"[1]

(250)

Sabdanya yang bermaksud: "Sesiapa yang membaca:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ العَظِيْمَ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ .

'Aku minta ampun daripada Allah yang tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain daripadaNya, yang hidup dan yang menguruskan makhlukNya dan aku bertaubat kepadaNya'

Muslim 4/2076.

nescaya Allah ampunkan dosanya sekalipun dia telah lari dari medan peperangan"[1].

(251)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Waktu yang paling hampir antara Tuhan dengan hambanya ialah pada akhir malam. Kalau kamu mampu untuk berzikir kepada Allah pada waktu itu hendaklah kamu lakukan"[2].

---

[1] Abu Daud 2/85, At-Tirmizi 5/569, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/511, Al-Albani, Sahih At-Tirmizi 3/182, Sahih, Jami' Al-Usul Li Ahadis Ar-Rasul tahqiq Al-Arnauut 4/389-390.

[2] At-Tirmizi, An-Nasai 1/279, Al-Hakim. Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/183, Jami' Al-Usul Li Ahadis Ar-Rasul tahqiq Al-Arnauut 4/144.

(252)

Sabdanya yang bermaksud: "Keadaan yang paling hampir antara seorang hamba dengan Tuhannya ialah sewaktu dia sujud. Maka perbanyakkan doa pada waktu itu"[1].

(253)

Sabdanya yang bermaksud: "Sesungguhnya hatiku lupa (tidak ingat kepada Allah) dan sesungguhnya aku meminta ampun daripada Allah setiap hari 100 kali"[2].

---

[1] Muslim 1/350.

[2] Muslim 4/2075. Kata Ibnu Al-Athir: maksud 'Ada tutupan di hatiku' (ليغان على قلبي): Lupa, kerana Nabi ﷺ sentiasa berzikir dan menghampirkan diri kepada Allah. Apabila berlaku terlupa sedikit atau sekejap, Baginda telah merasakannya satu kesalahan dan terus beristighfar kepada Allah. Lihat: Jami' Al-Usul 4/386.

130. Kelebihan Tasbih, Tahmid, Tahlil dan Takbir.

(254)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Sesiapa yang membaca:

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ.

"Maha Suci Allah dan bagiNya segala pujian" setiap hari 100 kali, dihapuskan kesalahannya walaupun sebanyak buih di laut"[1].

(255)

Sabdanya yang bermasud: "Sesiapa yang membaca:

---

[1] Al-Bukhari 7/168, Muslim dengan lafaznya 4/2071. Lihat kelebihan mereka yang membacanya 100 kali waktu pagi dan petang pada bacaan no. 93.

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu" 10 kali, baginya pahala seperti mereka yang memerdekakan empat orang dari keturunan Nabi Ismail عليه السلام"[1].

(256)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Dua kalimah yang ringan di lidah, berat di atas neraca timbangan dan disukai oleh Tuhan yang Maha Pengasih ialah:

---

[1] Al-Bukhari 7/168, Muslim 4/2072.

سُبْحَانَ اللَّهِ وبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ .

"Maha Suci Tuhan dan bagiNya segala pujian dan Maha Suci Tuhan yang Maha Agung"[1].

(257)

Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud: "Sesungguhnya aku membaca:

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ.

'Maha Suci Allah, dan bagiNya segala kepujian, Tiada Tuhan yang berhak disembah selainNya, dan Allah Maha Besar' lebih aku suka dari semua yang disinari oleh matahari ke atasnya"[2].

---

1 Al-Bukhari 7/168, Muslim 4/2072.

2 Muslim 4/2072.

(258)

Sabdanya yang bermaksud: "Apakah kamu lemah untuk melakukan seribu kebaikan setiap hari?". Salah seorang dari sahabat yang ada bersama baginda bertanya: Bagaimana kami boleh melakukan seribu kebaikan? SabdaNya: "Ucaplah Tasbih (سُبْحَانَ اللّٰهِ) 100 kali nescaya ditulis baginya 1000 kebaikan atau dihapuskan darinya 1000 kesalahan"[1].

(259)

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "Sesiapa yang membaca:

سُبْحَانَ اللّٰهِ الْعَظِيمِ وبِحَمْدِهِ .

[1] Muslim 4/2073.

"Maha Suci Tuhan yang Maha Agung dan bagiNya segala pujian" nescaya ditanam baginya sepohon kurma di dalam syurga"[1].

(260)

Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud: "Wahai Abdullah bin Qais, hendakkah aku tunjukkan kepadamu perbendaharaan syurga?" Jawabnya: Mahu, wahai Rasulullah! SabdaNya: "Ucaplah:

لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ .

"Tidak ada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah"[2].

---

[1] At-Tirmizi 5/511, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/501. Lihat: Sahih Al-Jami' 5/531, Sahih At-Tirmizi 3/160.

[2] Al-Bukhari serta Fathul Bari 11/213, Muslim 4/2076.

(261)
"Ucapan yang paling disukai oleh Allah ialah empat:

سُبْحَانَ اللّٰهِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ، وَاللّٰهُ أَكْبَرُ.

'Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Allah Maha Besar' tiada masalah sekiranya kamu mulai dengan salah satu daripadanya dan diikuti dengan yang lainnya"[1].

(262)
Seorang arab badwi datang bertemu Rasulullah ﷺ dan berkata: Ajarkan saya satu

---

[1] Muslim 3/1685.

ucapan yang akan saya ucapkan. SabdaNya: "Ucaplah:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، اللهُ أَكْبَرُ كَبِيْراً، وَالْحَمْدُ للهِ كَثِيْراً، سُبْحَانَ اللهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لاَ حَوْلَ وَ لاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ .

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya, Allah yang Maha Besar lagi Agung, segala pujian sebanyaknya bagi Allah, Maha Suci Allah Tuhan sekelian alam, tidak ada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah yang Maha Mulia lagi Bijaksana".

Kata orang badwi tersebut: Ucapan itu untuk Tuhanku, mana untuk diriku? Sabda Nabi ﷺ: "Ucaplah:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَارْزُقْنِي .

"Ya Allah, ampunilah kesalahanku, kasihanilah aku, berilah petunjuk kepadaku dan berilah rezeki kepadaku"[1].

(263)
'Apabila seorang lelaki memeluk Islam, Nabi ﷺ mengajarnya sembahyang dan menyuruhnya berdoa dengan kalimat ini:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي.

---

[1] Muslim 4/2072. Tambahan dari Abu Daud: 'Apabila orang badwi tersebut pergi, Nabi ﷺ bersabda: "Sesungguhnya telah penuh kedua tangannya dengan kebaikan". 1/220.

"Ya Allah, ampunilah kesalahanku, kesihanilah aku, berilah petunjuk dan kesejahteraan kepadaku dan berilah rezeki kepadaku"[1].

(264)

"Sebaik-baik (afdhal) doa ialah: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

"Segala puji bagi Allah".
dan sebaik-baik (afdhal) zikir ialah:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah"[2].

---

[1] Muslim 4/2073, dalam satu riwayat: "Kerana bacaan tersebut menghimpunkan bagimu kebaikan dunia dan akhirat".

[2] At-Tirmizi 5/462, Ibnu Majah 2/1249, Al-Hakim mentashihnya dan disokong oleh Az-Zahabi 1/503. Lihat: Sahih Al-Jami' 1/362.

(265)
"*Al-Baqiyaat As-Solihaat* (kalimat-kalimat yang baik dan amalan-amalan yang baik) ialah:

سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ، وَلاَحَوْلَ ولاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللّٰهِ .

"Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, Allah Maha Besar, tidak ada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah"[1].

---

[1] Ahmad No. 513 susunan Ahmad Syakir dengan sanad yang sahih. Lihat: Majma' Az-Zawaid 1/297, Ibnu Hajar dalam Bulugh Al-Maram merujukkan kepada riwayat Abi Sa'id dalam An-Nasai dan berkata: telah mentashihnya oleh Ibnu Hibban dan Al-Hakim.

131. Bagaimana cara Nabi ﷺ bertasbih?

(266)

Daripada Abdullah bin Amru ؓ katanya: "Saya melihat Nabi ﷺ menghitung bacaan tasbih dengan (jari-jari) tangan kanannya"[1].

132. Beberapa adab dan kebaikan.

(267)

"Apabila tiba waktu senja atau menjelang malam maka tahanlah anak-anak kamu (dari keluar rumah) kerana waktu itu syaitan berkeliaran. Apabila malam telah berlalu seketika, maka lepaslah mereka serta tutuplah pintu-pintu rumah dan sebutlah nama Allah kerana syaitan tidak akan membuka pintu yang tertutup. Tutuplah bekas air kamu serta

---

[1] Abu Daud dengan lafaznya 2/81, At-Tirmizi 5/521. Lihat: Sahih Al-Jami' 4/271 No. 4865.

sebutlah nama Allah dan tutuplah bekas makanan kamu serta sebutlah nama Allah. Kalau penutup tidak ada, letaklah di atasnya sesuatu dan padamkan lampu (apabila kamu tidur)"[1].

وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

,,,

[1] Al-Bukhari serta Fathul Bari 10/88, Muslim 3/1595.

من أذكار الكتاب والسنة.

تأليف الفقير إلى الله تعالى

د. سعيد بن علي بن وهف القحطاني

(باللغة المالیزیة)

ترجمة

عبد الباسط بن عبد الرحمن كلَنتن

مراجعة

صالح الدين وخيريل حسيني وذوالحلم محمد

[تمت مراجعة الترجمة بلجنة الدعوة والتعليم بالمدينة المنورة
هاتف : ٨١٥٠١٢٢ : www.khutab.org].